

PARLIMEN KESEMBILAN  
*Ninth Parliament*  
PENGKAL KETIGA  
*Third Session*  
MESYUARAT KETIGA  
*Third Meeting*

---

Jilid III

Bil. 26

Hari Selasa

2 Disember 1997

---

K A N D U N G A N

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

(Ruangan )

RANG UNDANG-UNDANG

- Rang Undang-Undang Bank Negara Malaysia (Pindaan) 1997 (Ruangan )

- Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1997) (No.2) 1997(Ruangan

PARLIMEN KESEMBILAN

**PENYATA RASMI PARLIMEN  
DEWAN NEGARA  
Mesyuarat Kedua  
Penggal Yang Ketiga  
AHLI-AHLI DEWAN NEGARA**

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Tan Sri Dato' Haji Mohamed bin Ya'acob, P.S.M., P.M.K., S.P.M.K., Dato' Bentara Kanan, S.M.T., P.G.D.K., D.A. (Dilantik)

- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Chong Kah Kiat, P.G.D.K., J.S.M., J.P. (Dilantik)
- “ Tuan Abdillah bin Abdul Rahim (Sarawak)
- “ Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman (Dilantik)
- “ Tuan Haji Abdul Majid bin Haji Baba, P.B.M., B.K.T., J.P. (Melaka)
- “ Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail, A.M.P. (Perlis)
- “ Dato' Haji Ahmad bin Ismail (Pulau Pinang)
- “ Tuan Haji Bakri bin Haji Ali Mahamad, A.M.N., A.M.K., B.K.M. (Kedah)
- “ Datuk Michael Bong Thiam Joo, P.J.N., A.B.S., J.B.S. (Dilantik)
- “ Tuan Charern Intachat, A.M.N., B.C.K. (Dilantik)
- “ Dato' Chet Singh s/o Karam Singh (Pulau Pinang)
- “ Tuan Chin Kon Tow @ Chin Kong Too, A.M.N., B.K.T., J.P. (Melaka)
- “ Puan Faridah binti Abu Hassan (Dilantik)
- “ Tuan Ding Seling (Dilantik)
- “ Dato' Eng Hoi Choo, A.M.S., P.P.T. (Dilantik - Wilayah Persekutuan)
- “ Dato' Ghazi @ Hasbullah bin Haji Ramli, D.I.M.P. (Selangor)
- “ Puan Hajah Habshah binti Haji Osman, P.P.T., P.J.K. (Dilantik - Wilayah Persekutuan)
- “ Tuan Haji Hamzah bin Haji Mohamed. Zain (Dilantik)
- “ Tuan Hanipah bin Ahmad, P.J.K. (Perlis)

“ Datuk Haji Hashim bin Safin @ Shafin, D.M.S.M. (Dilantik)

Yang Berhormat Puan Hajah Hunaizah binti Mohd. Noor (Kelantan)

“ Datuk Haji Ibrahim bin Ali, D.M.S.M. (Dilantik)

“ Tuan Ibrahim bin Daud, J.S.M., K.M.N., P.L.P., P.I.S., B.S.I., A.M.N., P.P.N. (Johor)

“ Puan Jamilah binti Ibrahim (Kelantan)

“ Tuan Jang Chow Thye @ Yio Chow Thye, A.S.M., S.M.T., P.J.K., J.P. (Dilantik)

“ Tuan Janggu Anak Banyang, P.B.K. (Sarawak)

“ Tuan Jiuin bin Jimin (Sabah)

“ Datuk Johan O.T. Ghani @ Christopher, P.G.D.K., K.M.N. (Dilantik)

“ Puan Kamilia binti Ibrahim (Dilantik)

“ Tuan Kan Kok Kwan, D.N.S., K.M.N., P.P.N., P.J.K., J.P. (Dilantik)

“ Tuan Haji Kasim bin Mh. Yusop (Dilantik)

“ Puan Hajah Khadijah binti Haji Awang (Terengganu)

“ Datuk Khoo Keok Hai (Dilantik)

“ Dato’ P. Krishnan a/l Permual (Dilantik)

“ Tuan Long bin Jidin (Dilantik)

“ Tuan Low Kai Meng, P.J.K., J.P. (Perak)

“ Datuk Maidum P. Pansai @ Paul Pansai (Dilantik)

“ Tuan N. Marimuthu a/l Nadeson, A.M.P., A.M.N., P.P.N., P.J.K., J.P. (Dilantik)

“ Dato’ Dr. T. Marimuthu (Dilantik)

“ Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin (Dilantik)

“ Dato’ Michael Chen Wing Sum (Dilantik)

“ Dato’ Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin, D.S.A.P. (Dilantik)

- “ Tuan Mustaffa Kamal bin Mohd. Nawi, A.M.P., P.P.N., P.J.K. (Perak)
- “ Tuan M.G. Pandithan @ Nyana Pandithan @ Ganapandythan a/l Muthandi (Dilantik)

Yang Berhormat Puan Hajah Rahaiah binti Baheran, P.J.K. (Dilantik)

- “ Datuk Rahim bin Baba, D.M.S.M, A.M.P. (Dilantik)
- “ Puan Hajah Ramlah binti Kassim (Pahang)
- “ Tuan Rosli bin Mat Hasan (Dilantik)
- “ Dato’ Saad bin Haji Man, D.S.D.K. (Dilantik)
- “ Tuan Haji Sairin bin Karno (Sabah)
- “ Tuan Haji Salleh @ Hassan bin Ali, P.J.K. (Terengganu)
- “ Puan Sri Sarasa Pasamanickam, A.M.N., P.I.S. (Dilantik)
- “ Puan Hajah Selemiah binti Hashim, P.P.N., A.M.N., P.K.T. (Dilantik)
- “ Puan Tan Ah Eng (Johor)
- “ Tuan Tan Son Lee, A.M.K., B.K.M., P.J.K. (Kedah)
- “ Tuan Tan Swee Hueng (Dilantik)
- “ Dato’ V.K.K. Teagarajan, D.P.M.S., A.M.N. (Dilantik)
- “ Tuan Tee Thiong Hock, S.S.A., A.M.N., P.J.K. (Selangor)
- “ Dato’ Ting Check Sii, D.I.M.P. (Dilantik)
- “ Tan Sri Dato’ G. Vadiveloo a/l Govindasamy, P.S.M., D.P.M.S., S.M.S., A.M.N. (Dilantik)
- “ Datin Hajah Wan Intan binti Haji Wan Ahmad Tajuddin, P.J.K., A.M.S. (Dilantik)
- “ Dr. Yeow Seng Huat (Pahang)
- “ Tuan Yim Chee Chong @ Yim Kok Kheong (Negeri Sembilan)
- “ Dato’ Zainol Abidin bin Johari, D.S.D.K., K.M.N., P.P.N., B.K.M., P.J.K., J.P. (Dilantik)
- “ Tuan Zakaria bin Arshad (Negeri Sembilan)

“ Puan Hajah Zaleha binti Hussin, P.P.N., A.M.N. (Dilantik)

**DEWAN NEGARA**

**PEGAWAI-PEGAWAI KANAN**

Setiausaha Dewan Negara:	Abdullah bin Abdul Wahab
Penolong Setiausaha Kanan:	Zamani bin Haji Sulaiman
Penolong Setiausaha:	Haji Mustakin bin Selamat
Penolong Setiausaha:	Nor Hayatee binti Abdullah

**CAWANGAN PENYATA RASMI PARLIMEN**

Pegawai Penerbitan:	Azhari bin Hamzah Monarita binti Mohd. Hassan
Ketua Pelapor Perbahasan Parlimen:	Hajah Shamsiah binti Mohd. Yusop, P.P.N.

***PELAPOR PERBAHASAN PARLIMEN***

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusop  
Hajah Supiah binti Dewak  
Mohamed bin Osman  
Norishah binti Mohd. Thani  
Shamsina binti Janor

**BENTARA MESYUARAT**

Lt. Kol (B) Haji Rahimuddin bin Abdul Mutalib  
Mejar (B) Abdul Halim bin Haji Ali  
Mejar (B) Zakaria bin Salleh

**MALAYSIA**

**DEWAN NEGARA**

**Selasa, 2 Disember 1997**

**Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang**

**DOA**

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

---

**JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**

**BANGUNAN PARLIMEN DIPINDAHKAN KE PUTRAJAYA -  
CADANGAN**

**1. Puan Faridah binti Abu Hassan** minta Perdana Menteri menyatakan mengapakah kerajaan memutuskan Bangunan Parlimen tidak dipindahkan ke Pusat Pentadbiran Putrajaya. Jika Stadium Merdeka telah dirobohkan mengapakah Bangunan Parlimen tidak dipindahkan ke Putrajaya dengan dibina reka bentuk yang serupa.

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman]:** Tuan Yang di-Pertua, pihak kerajaan tidak bercadang untuk memindahkan Bangunan Parlimen ke Pusat Pentadbiran Putrajaya memandangkan Bangunan Parlimen sebagai simbol kesuburan demokrasi negara adalah lebih sesuai ditempatkan di Kuala Lumpur yang merupakan ibu negara Malaysia.

**Tuan Haji Hamzah bin Haji Mohamed Zain:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Kepada Timbalan Menteri yang menjawab terlalu ringkas tadi, saya ingin mendapat sedikit penjelasan yang lebih, apakah tidak ada kesan dari segi perjalanan Parlimen apabila pusat pentadbiran diletakkan agak jauh daripada pusat perundangan. Sekarang ini pun ahli-ahli pentadbiran, terutamanya menteri-menteri ada langsung yang tidak pernah hadir ke Dewan Negara dan timbalan menteri kita yang menjawab itu rajin [*Ketawa*], di sini rajin, di sana pun rajin, tetapi ada yang tidak datang langsung dan kadang-kadang yang menjawab pun diwakili kepada kementerian yang lain. Jadi, tidakkah tempat yang jauh ini akan lebih menjejaskan perjalanan Parlimen?

**Dato' Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman:** Tuan Yang di-Pertua, saya tidak jawab panjang sebab orang pun tidak panjang [*Ketawa*], jadi jawabnya pun tidak berapa panjang. Sesungguhnya kerajaan tidak merasakan bahawasanya dengan berpindahnya pusat pentadbiran kita ke Putrajaya dan terpisah dengan Parlimen akan mendatangkan sebarang kerumitan. Masalah menteri yang tidak datang, itu yang sebenarnya adalah berbeza dengan keadaan yang dikatakan tadi. Saya percaya bahawasanya Yang Berhormat Menteri pun tidak datang ini kerana banyak tugas lain, tugas-tugas negara, tetapi kami semua merasakan, kalau tanya saya, bahawasanya tugas Parlimen ialah dengan perkataan Inggeris, is paramount dan saya percaya kalau dipindahkan ke sana pun tidak akan menjejaskan yang biasa datang ini untuk terus biasa datang.



**Puan Kamalia binti Ibrahim:** Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya soalan saya lebih kurang macam soalan Yang Berhormat Tuan Haji Hamzah tadi, tetapi saya ingin tahu adakah dalam perancangan Putrajaya sebabnya semasa Rang Undang-undang Putrajaya dibentangkan di Parlimen dahulu kita tidak dapat melihat apakah sebenarnya akan wujud di Putrajaya. Adakah mungkin kerajaan mempunyai cadangan untuk memindahkan pada masa hadapan Bangunan Parlimen ke sana kerana kalau kita lihat di Amerika, contohnya Washington, tempat pentadbiran, tempat Presiden dan semuanya adalah di satu kawasan, begitu juga di Jepun, The Diet dan pentadbiran juga dalam satu kawasan sama ada untuk memudahkan dan juga untuk memberi lambang demokrasi itu sendiri. Terima kasih.

**Dato' Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman:** Tuan Yang di-Pertua, sesungguhnya saya telah menjawab tadi bahawasanya Parlimen ini adalah simbol atau manifestasi kesuburan demokrasi dalam negara kita, nasional demokrasi dan Kuala Lumpur merupakan ibu negara dan Putrajaya sesungguhnya adalah terletak di dalam kawasan Selangor dan amat janggal kalau sekiranya Parlimen ini yang melambangkan simbol demokrasi negara Malaysia diletakkan dalam satu jajahan yang terkeluar dari kawasan ibu negara. Saya percaya kita tidak boleh bandingkan dengan Amerika. Kalau tanya saya, saya merasakan Amerika adalah contoh yang terakhir kalau kita hendak bandingkan dari segi kemajuan penyuburan demokrasi. Tetapi kalau hendak

ditanyakan sama ada ianya akan memungkinkan kemudahan fasilitas, saya berpendapat bahawasanya dengan kita mempertingkatkan kemudahan-kemudahan pengangkutan, prasarana dan sebagainya, saya percaya ianya tidak akan menjadi halangan lagi.

Tuan Yang di-Pertua, berkaitan dengan apakah perkara-perkara yang akan dibina di Putrajaya, bagi saya untuk memperjelaskan satu demi satu kalau sekiranya ada kemahuan daripada Dewan yang mulia ini, saya percaya satu taklimat boleh diadakan kepada semua ahli Dewan Negara yang saya percaya bertanggungjawab juga untuk mengetahui apa yang sedang berlaku di sana. Terima kasih.

### **GETAH - SUBSIDI TANAMAN SEMULA**

**2. Tuan Tee Thiong Hock** minta Menteri Pembangunan Luar Bandar menyatakan bahawa adakah “replanting cess” yang dikutip dari hasil getah mencukupi untuk kegunaan sebagai subsidi menanam semula pokok getah yang tidak ekonomik lagi dan kalau tidak, berapa ramainya pekebun kecil yang masih menunggu untuk mendapat subsidi ini.

#### **Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Luar Bandar**

**[Tuan Douglas Uggah Embas]:** Tuan Yang di-Pertua, jumlah kutipan ses yang ada sekarang tidak mencukupi bagi membiayai program tanaman semula getah.

Pada masa sekarang terdapat 22,092 permohonan daripada pekebun kecil dengan keluasan 49,393 hektar yang masih belum dapat dipertimbangkan

dalam program tanaman semula dan permohonan mereka akan dibawa ke tahun hadapan, 1998.

**Datuk Haji Abdul Majid bin Haji Baba:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Ada kaitan dengan wang ses getah tadi yang dijawab oleh Setiausaha Parlimen yang berkenaan, pungutannya berkurangan. Memandangkan hasil kelapa sawit yang begitu baik dan begitu tinggi harganya, adakah kerajaan bercadang untuk memungut wang ses daripada kelapa sawit untuk membantu pekebun-pekebun kelapa sawit?

**Tuan Douglas Uggah Embas:** Tuan Yang di-Pertua, saya fikir kelapa sawit adalah dalam bidang kementerian yang lain, bukan dalam Kementerian Pembangunan Luar Bandar.

**Datuk Haji Sairin bin Karno:** Tuan Yang di-Pertua, apabila menyentuh soal subsidi menanam semula pokok getah, terutama barangkali di bahagian-bahagian pedalaman banyak masalah terutama dari segi memberi subsidi, apakah kementerian berhasrat untuk menggantikan subsidi ini dengan memberikan klon bermutu tinggi kepada para penanam getah ini? Terima kasih.

**Tuan Douglas Uggah Embas:** Tuan Yang di-Pertua, subsidi dengan klon adalah perkara yang tidak sama. Subsidi ialah kita beri bantuan untuk menggalakkan pekebun kecil untuk menanam getah semula, di negeri Sabah ianya dijalankan oleh Lembaga Getah Sabah. Mengenai klon ini memang kita

menggalakkan menggunakan klon terkini supaya pengeluaran pekebun-pekebun kecil ini dapat ditingkatkan dan pendapatan mereka dapat ditingkatkan sepertimana yang dihasratkan oleh kerajaan.

**Tuan Hanipah bin Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin mendapat penjelasan, jawapan yang diberi tadi adalah tidak cukup. Apakah langkah-langkah yang perlu diambil oleh pihak kerajaan supaya masalah tidak cukup ini menjadi cukup menjelang tahun 2020.

**Tuan Douglas Uggah Embas:** Terima kasih, Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, memang kementerian telah mencari jalan bagaimana untuk menambahkan peruntukan ini melainkan ses pada tahun 1977 kita dapat bantuan dari kerajaan, selepas itu kerajaan akan menimbang balik kerana sekarang kerajaan telah menimbang apakah bentuk RISDA yang akan diwujudkan pada masa akan datang. Keputusan ini belum dibuat oleh kerajaan, maka bagaimana untuk kita menampung kekurangan itu juga belum diputuskan oleh kerajaan.

### **PEKERJA ASING DI SEKTOR PERLADANGAN BEKERJA DI BANDAR - TINDAKAN**

**3. Tuan N. Marimuthu** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan sama ada beliau sedar pekerja-pekerja asing yang dibawa untuk bekerja di sektor perladangan, kini bekerja dalam bandar sebagai jurujual dan dalam lain-lain industri di bandar. Jika sedar apakah tindakan kerajaan terhadap mereka. Nyatakan juga dasar kerajaan terhadap pekerja-pekerja asing ini.

**Timbalan Menteri Dalam Negeri [Dato' Ong Ka Ting]:** Tuan Yang di-Pertua, kerajaan sedar bahawa terdapat pekerja asing dari sektor perladangan atau sektor-sektor lain yang menjalankan perniagaan atau aktiviti-aktiviti lain di bandar-bandar. Bagi menangani masalah ini, agensi-agensi penguatkuasa sedang mempertingkatkan penguatkuasaan dengan mengadakan operasi-operasi tertentu di bandar-bandar. Sehubungan dengan ini, adalah menjadi dasar kerajaan tidak membenarkan pekerja asing menjalankan sebarang perniagaan ataupun aktiviti-aktiviti yang bertentangan dengan peraturan-peraturan yang telah ditetapkan di dalam pas lawatan kerja sementara mereka.

**Tuan Yim Chee Chong:** Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Kami ingin mengetahui setakat ini lebih kurang berapa ramai pekerja asing yang bekerja dalam negara kita ini. Dalam pada itu, kami ingin mengetahui berapa pendatang haram dari luar negeri yang masuk dalam negara kita ini. Oleh kerana negara Malaysia ini makmur dan mewah, ramai pendatang asing tidak ada permit pun masuk ke Malaysia juga dan mereka itu senantiasanya melakukan kes-kes jenayah di negara kita ini. Maka apakah langkah dan tindakan Kementerian Dalam Negeri untuk mencegah berlakunya kes-kes jenayah yang dilakukan oleh pendatang haram dari luar negeri. Sekian, terima kasih.

**Dato' Ong Ka Ting:** Tuan Yang di-Pertua, mengikut rekod Jabatan Imigresen, pekerja asing yang telah memiliki permit kerja PRKS di

Semenanjung adalah kira-kira 1.2 juta orang. Bagi Sabah selepas operasi pemutihan, kira-kira lebih 400,000 orang telah berdaftar dengan kerajaan dan selebihnya oleh kerana mereka ini tanpa izin tetapi anggaran selama ini mengikut kementerian saya ialah terdapat lebih kurang 2 juta orang pekerja, maknanya yang sah dan yang tidak sah. Jadi 1.6 juta orang yang ada permit kerja ataupun didaftar, yang baki itu mungkin 400,000 hingga setengah juta orang itu adalah tidak sah, tetapi itu adalah anggaran sahaja, mungkin lebih dan mungkin kurang.

Dari segi langkah-langkah, kerajaan memang mempertingkatkan penguatkuasaan. Selepas kita sudah pinda Akta Imigresen di sini, kini Jabatan Imigresen dan pihak Polis sedang mempertingkatkan akan mendakwa sesiapa sama ada majikan atau orang perseorangan yang melindungi pendatang tanpa izin, kalau ditangkap didapati melindungi lebih daripada lima orang, maka mereka boleh didakwa dan jikalau disabit, mereka boleh masuk penjara secara mandatori. Jadi, saya hendak ingatkan sekali lagi majikan, Akta Imigresen hari ini bukan lagi macam Akta Imigresen tahun lalu atau sebelumnya, sekarang sudah ada banyak penalti dan penaltinya adalah berat.

Bagi jenayah, pihak polis memang pandang serius. Kita mengakui bahawa pendatang tanpa izin ini merupakan satu golongan yang sentiasa boleh melakukan jenayah kekerasan, termasuk membunuh, merogol, merompak dan sebagainya. Jadi, ini satu perkara serius dan kita perlukan semua rakyat

bersama-sama dengan pihak penguatkuasa untuk mengatasi masalah yang mengancam negara kita ini.

**Puan Tan Ah Eng:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Pada pendapat saya pasport atau permit pekerja asing ini ialah disimpan oleh majikan. Adakah kementerian bercadang mengeluarkan satu kad identiti kepada pekerja asing untuk membuktikan identiti mereka. Kalau tiada, bagaimanakah mereka membuktikan bila berada di luar tempat bekerja?

**Dato' Ong Ka Ting:** Tuan Yang di-Pertua, memang kerajaan sudah ada rancangan untuk mengeluarkan tag identiti bagi pekerja asing dan tag identiti itu boleh membezakan mereka itu bekerja di sektor mana dan tag ini dijangka akan dikeluarkan tidak lama lagi.

#### **TENDER SECARA TERPILIH KE ATAS PROJEK MEGA - MANFAAT PELAKSANAAN**

**4. Puan Hajah Hunaizah binti Mohd. Noor** minta Perdana Menteri menyatakan kelebihan dan manfaat pelaksanaan tender secara terpilih yang diamalkan oleh Kabinet terhadap projek-projek penswastan atau projek-projek awam mega berbanding tender secara terbuka dan setakat ini apakah bukti kelebihan dan keistimewaan tender terpilih yang berkenaan.

**Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Othman bin Abdul]:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, di bawah prosedur penswastan, sesuatu projek penswastan dilaksanakan melalui dua pendekatan iaitu berdasarkan cadangan penswastan yang dikenal pasti

oleh pihak swasta dan projek penswastaaan yang dikenal pasti oleh kerajaan. Bagi projek yang dikenal pasti oleh kerajaan, ianya adalah dibuat melalui tawaran bersaing iaitu sama ada tawaran terbuka atau tawaran terhad. Bagi projek-projek yang dikenal pasti oleh pihak swasta pula, ianya dilaksanakan berasaskan kepada prinsip 'yang dahulu didahulukan'. Walau bagaimanapun, sekiranya terdapat beberapa syarikat telah mengemukakan cadangan bagi penswastaaan projek yang sama, kerajaan akan melaksanakan projek tersebut melalui tawaran terhad kepada syarikat terbabit sahaja.

Pendekatan tawaran tender terhad ini dibuat berasaskan rasional bahawa pihak-pihak swasta berkenaan telah mengambil daya inisiatif bagi turut menjayakan dasar penswastaaan kerajaan dengan mengemukakan cadangan penswastaaan yang komprehensif berdasarkan kajian yang terperinci. Kerajaan berpendapat kesediaan pihak swasta mengeluarkan perbelanjaan bagi melaksanakan kajian feasibiliti untuk membolehkan mereka mengemukakan cadangan penswastaaan yang terperinci wajarlah diberi penghargaan, iaitu dengan cara memberi peluang kepada mereka menyertai penswastaaan projek berkenaan melalui kaedah tawaran terhad.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, tawaran terhad mempunyai beberapa kelebihan, yang di antaranya termasuklah kerajaan dapat memastikan bahawa mereka yang betul-betul mempunyai keupayaan dari segi kewangan dan teknikal serta berminat untuk melaksanakan sesuatu projek penswastaaan



sahaja akan dijemput. Ini bagi memastikan bahawa penswastan berkenaan dapat dilaksanakan dengan licin dan kemas. Oleh itu, pelawaan terhad kepada pihak swasta yang telah pun mengemukakan cadangan konsep atau cadangan awal mereka dapat dipenuhi hasrat tersebut.

Yang kedua, tawaran terhad juga dapat menjimatkan masa persediaan dokumen tawaran untuk maklumat dari segi cadangan konsep bagi pihak swasta tersebut dapat digunakan sebagai input kepada dokumen berkenaan. Penjimatan masa juga semasa kerja-kerja penilaian memandangkan biasanya antara 5 hingga 15 syarikat sahaja dijemput mengemukakan tawaran.

Ketiga, tawaran terhad juga membolehkan kerajaan mendapat tawaran yang terbaik dan kompetitif seperti yang diperolehi sekiranya ianya dibuat melalui tawaran terbuka.

Keempat, tawaran terhad dapat mengelakkan kemungkinan pembaziran kepada ekonomi secara keseluruhannya. Sebagai contoh, projek pembangunan tanah yang bersaiz kecil hingga sederhana adalah mampu dilaksanakan oleh kebanyakan syarikat pemaju harta tanah. Jika projek ini dibuat melalui tawaran terbuka, sudah pasti banyak syarikat akan mengemukakan cadangan. Cadangan yang dikemukakan melibatkan kos yang agak tinggi dan kadang-kadang mencapai RM1 juta bagi setiap cadangan. Oleh itu, faedah yang mungkin diperolehi dari cadangan penswastan tersebut tidak setanding dengan jumlah kos penyediaan cadangan.

Setakat ini projek-projek penswastaan yang telah dibuat secara tawaran tender terhad kepada pihak yang menunjukkan minat dan mengemukakan cadangan penswastaan telah berjaya dilaksanakan tanpa mengalami masalah, terutamanya dari segi pelaksanaannya dan juga kemampuan pembiayaan projek yang berkenaan. Ini ternyata di beberapa projek penswastaan lebuhraya, pembangunan tanah, penswastaan pelabuhan dan lain-lain.

**Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya, saya ucap terima kasih kepada Setiausaha Parlimen yang memberi penjelasan tadi. Setakat ini dapatkah kerajaan nyatakan jumlah nilai projek-projek mega yang diberi secara tender terhad ini dan berapa banyakkah kerajaan dapat jimatkan kos dengan cara ini?

**Dato' Othman bin Abdul:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon notis kerana ia memerlukan angka yang tepat. Insya-Allah, kita akan beri secara bertulis.

**Tuan Hanipah bin Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mendapat penjelasan, ini mengikut cerita yang saya biasa dengar. Saya lebih minat yang tender cara terbuka. Ada sembang-sembang mengatakan bila dipanggil untuk temu duga dan senarai mengikut agihan, nombor satu, nombor dua, nombor tiga dan nombor empat, tetapi adakah benar atau tidak, biasanya tawaran tidak diberi kepada yang keempat, yang rendah sekali, tetapi diberi kepada yang di atas, iaitu yang nombor satu. Kalau dia masuk tender RM10, yang ini masuk

tender RM3, tidak diberi kepada tender RM3 tetapi diberi kepada tender RM10. Adakah ini biasa berlaku? Kalau ianya berlaku, adakah ini satu amalan yang sihat dari segi pandangan kerajaan. Kalau ianya tidak sihat, apakah langkah-langkah yang perlu diperbaiki supaya amalan yang sihat ini dapat kita amalkan. Sekian, terima kasih.

**Dato' Othman bin Abdul:** Tuan Yang di-Pertua, memang benar bahawa dalam konsep tender terbuka tidak semestinya yang paling rendah itu diberikan kerja-kerja ini kerana sudah pasti kita bergantung kepada pandangan pihak konsultan. Kalau kita beri misalnya contoh satu projek yang kita anggarkan berjumlah RM10 juta. Kalau ada penawar tender yang memberikan hanya sekadar RM5 juga, sudah pasti dia tidak dapat atau mampu menyudahkan projek berkenaan. Jadi berpandukan kepada soal ini, kalau tidak silap saya, sama ada 10% lebih tinggi atau 10% lebih rendah itu diberi pertimbangan. Tidak semestinya yang paling rendah itu akan mendapat tawaran untuk membina ataupun diberikan projek-projek yang ditawarkan itu.

**Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Kita ucapkan tahniah kepada pihak kerajaan kerana menerusi penswastan banyak bebanan kerajaan dipindahkan kepada pihak swasta. Tetapi soalan saya ialah adakah pihak kerajaan berpuas hati dengan penswastan Lebuhraya Utara-Selatan di mana tiga tahun sekali pihak PLUS terpaksa menaikkan tol dan ini membebankan rakyat kalau sekiranya keadaan

masa itu, terutama sekarang keadaan ekonomi kurang baik. Kalau sekiranya kerajaan tidak berpuas hati, apakah formula yang diajukan oleh pihak PLUS sewaktu lebuhraya ini diswastakan, adakah ianya berasaskan kepada volume dari segi kegunaan trafik yang menggunakan lebuhraya ini. Kalau ianya berasaskan kepada trafik yang menggunakan lebuhraya, adakah ianya sekarang ini mencapai formula itu? Kalau tidak, adakah pihak kerajaan mempunyai kuasa untuk mengkaji semula dari segi syarat-syarat dan juga terma-terma kontrak yang wujud antara pihak kerajaan dengan PLUS ini supaya kenaikan tol ini dapat diawasi sejajar dengan dasar kerajaan untuk hendak mengawasi kegawatan ekonomi kita pada masa ini.

**Dato' Othman bin Abdul:** Tuan Yang di-Pertua, masalahnya ada dua perkara. Pertamanya, saya hendak menyatakan bahawa kerajaan berpuas hati tentang program penswastakan Lebuhraya Utara-Selatan kerana kita telah mendapat satu jalan yang sempurna di mana para pengguna dapat menggunakannya dengan baik daripada utara ke selatan.

Tentang tol, sepertimana Yang Berhormat sebutkan itu, kita telah pun mendengar jaminan kerajaan bahawa kerajaan akan mengkaji saranan yang telah dikemukakan oleh PLUS kepada kerajaan. Memang kerajaan mempunyai kuasa untuk mengkaji semula, menilai semula sebarang tawaran kerana memang kerajaan masih lagi mempunyai kuasa dan tanggungjawab terhadap semua projek yang diswastakan selama ini.

**TENAGA ELEKTRIK - JUMLAH KEPERLUAN MENJELANG  
TAHUN 2000**

**5. Datin Hajah Wan Intan binti Haji Wan Ahmad Tajuddin** minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan:

- (a) keperluan tenaga (elektrik) bagi seluruh negara pada masa ini; berapakah keperluan tenaga (elektrik) untuk negara ini bagi tahun 2000; dan
- (b) adakah tenaga yang dikeluarkan dari syarikat IPP mencukupi atau perlu ditawarkan lagi lesen-lesen baru kepada pihak swasta untuk mengeluarkan lebih banyak tenaga sebagai membantu TNB dalam mengatasi kekurangan elektrik di negara ini.

**Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos [Dato' Chan Kong**

**Choy]:** Tuan Yang di-Pertua, jawapan bagi bahagian:

- (a) Permintaan maksimum tenaga elektrik di seluruh negara pada masa ini adalah sebanyak 9,033 megawatt, manakala kapasiti terpasang pula adalah sebanyak 12,334 megawatt. Permintaan maksimum tenaga elektrik dijangka meningkat menjadi 12,291 megawatt pada tahun 2000, sementara jumlah kapasiti terpasang pula akan berada dalam lingkungan 15,000 megawatt. Dengan itu kedudukan bekalan elektrik negara adalah mencukupi bagi memenuhi keperluan pengguna pada masa ini dan masa akan datang.
- (b) Kedudukan bekalan elektrik yang dijana oleh pihak Utiliti Tenaga Elektrik Negara serta pihak IPP adalah mencukupi

sehingga tahun 2000. Lesen-lesen baru bagi pengeluaran kuasa elektrik akan dibuat apabila timbul keperluan untuk berbuat demikian.

**Tuan Haji Hamzah bin Haji Mohamed Zain:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Lima tahun dahulu sewaktu saya di Dewan Rakyat, saya pernah bertanya satu soalan tentang apakah pihak kerajaan mengkaji pilihan-pilihan sumber untuk menjana kuasa daripada cara-cara mesra alam, eco-friendly yang tidak mencemarkan. Pada waktu itu kerajaan menjawab bahawa kerajaan sedang mengkaji ada cadangan-cadangan tentang menggunakan tenaga ombak, tenaga angin dan sebagainya. Kalau tahun 1991 dahulu sedang mengkaji, apakah terjadi kepada kejadian tersebut sekarang? Sehingga hari ini kita belum lagi ada alternatif janakuasa. Sekian, terima kasih.

**Dato' Chan Kong Choy:** Tuan Yang di-Pertua, setakat ini dasar penjanaan elektrik negara masih bergantung kepada gas, petrol, hidro dan arang batu. Walau bagaimanapun, gas, petrol dan arang batu ini merupakan sumber yang defeatable, dengan izin, maka kerajaan telah memberikan tumpuan kepada hidro di mana pada 'long term', dengan izin, dia lebih agro environmental friendly. Selain daripada HEP ataupun hidro, kita telah pun mula mengadakan kajian tentang kemungkinan untuk menggunakan solar energy khususnya di kawasan-kawasan pedalaman di mana merupakan tidak ekonomik bagi kita membekalkan elektrik kepada kawasan pedalaman melalui cara konvensional

dan beberapa eksperimen telah pun dijalankan di beberapa pulau di selatan Johor dan juga di negeri Sabah. Setakat ini respons ataupun kajian ini memang sangat menggalakkan dan pada tahun depan kita juga akan menubuhkan satu Pusat Tenaga Nasional di mana kita akan mengkaji sumber-sumber lain yang dikatakan oleh Yang Berhormat.

**Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya, baru-baru ini pihak kerajaan telah mengambil alih projek mega iaitu projek Bakun dan sudah tentu kerajaan mempunyai rasional yang tertentu. Saya ingin mendapat penjelasan daripada pihak kerajaan, berapa banyakkah jumlah perbelanjaan yang telah dikeluarkan dan apabila siapnya projek Bakun nanti adakah dapat memenuhi keperluan tenaga pada jangka masa tahun 2000 kelak?

**Dato' Chan Kong Choy:** Tuan Yang di-Pertua, projek Bakun pada asalnya akan mula beroperasi pada tahun 2003 sahaja. Sebelum ini kita memang ada beberapa rancangan untuk mewujudkan beberapa janakuasa di Semenanjung dan di negeri Sabah, maka sebelum tahun 2003 ini bekalan elektrik di seluruh negara tidak akan menjadi masalah. Oleh kerana keributan ekonomi yang baru berlaku di negara kita, kerajaan telah mengambil satu keputusan untuk menangguhkan pelaksanaan projek Bakun dan oleh kerana ini, pihak pemaju iaitu Ekran oleh kerana keputusan ini, telah menarik diri daripada projek ini. Oleh kerana ini, pihak kerajaan melalui satu syarikat yang dikenali

sebagai Bakun Hidro Sdn. Bhd. di bawah pihak Kementerian Kewangan telah mengambil alih daripada pihak Bakun Hidro Corporation. Selepas ini pihak kerajaan telah pun melantik Peat Marwick untuk masuk menjalankan satu audit tentang aset yang sedia ada dan segala perbelanjaan yang telah pun dilakukan oleh pihak Bakun Hidro Corporation dan jumlah sebenarnya yang telah pun dibelanjakan ini tidak dapat diketahui setakat ini. Terima kasih.

**UNIVERSITI MALAYSIA SABAH (UMS) - MENUBUHKAN  
FAKULTI PERUBATAN DAN FAKULTI ISLAM**

**6. Datuk Haji Sairin bin Karno** minta Menteri Pendidikan menyatakan adakah kerajaan akan menubuhkan Fakulti Perubatan dan Fakulti Islam di Universiti Malaysia Sabah (UMS).

**Timbalan Menteri Pendidikan [Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd.**

**Yunus]:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, setakat ini Universiti Malaysia Sabah belum bercadang untuk menubuhkan Fakulti Perubatan dan Fakulti Islam di universiti tersebut.

**Tuan Tee Thiong Hock:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Memandangkan kepada polisi kerajaan sekarang yang menggalakkan pelajar-pelajar kita belajar di negara kita, jangan keluar negeri, apakah langkah yang kerajaan akan ambil untuk menaiktarafkan institusi-institusi pendidikan tinggi di negara ini terutamanya kolej dan universiti swasta seperti Universiti TNB dan Universiti Telekom.



**Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus:** Tuan Yang di-Pertua, memang kita telah mula mengambil banyak langkah. Pertama sekali, kita telah mengarahkan semua universiti di negara kita ini untuk menyediakan tempat bagi sekurang-kurangnya 20,000 orang pelajar di setiap universiti menjelang tahun 2000 dan langkah-langkah itu sedang diambil oleh setiap universiti.

Yang keduanya, apabila kerajaan membuat keputusan untuk mula mengurangkan menghantar pelajar-pelajar ke luar negeri mulai sekarang ini, tiga buah universiti swasta iaitu Universiti Telekom, Tenaga dan Petronas sedang berunding dengan pegawai-pegawai Kementerian Pendidikan untuk menampung pelajar-pelajar yang tidak dihantar ke luar negeri mulai sekarang ini.

Yang ketiga, di kalangan kolej-kolej swasta pun kita telah minta kerjasama kolej-kolej ini supaya menyediakan asas-asas yang lebih baik, terutama dari segi kemudahan-kemudahan asas. Yang kedua, dari segi jenis-jenis kursus yang ditawarkan kepada pelajar-pelajar. Yang ketiga, dari segi kesesuaian tenaga pengajarnya. Kalau sekiranya ada di antara kolej-kolej swasta yang dapat memenuhi dan menampung keperluan-keperluan ataupun syarat-syarat yang dikehendaki, maka mereka itu sekiranya memohon kepada kementerian ataupun kerajaan, boleh dipertimbangkan untuk dinaikkan taraf mereka.

Kita juga galakkan kolej-kolej swasta apabila mengadakan kemudahan-kemudahan yang demikian supaya berunding dengan universiti-universiti tempatan supaya mengadakan twinning programme, dengan izin, dengan universiti-universiti tempatan sebagai satu cara untuk memudahkan lagi anak-anak kita belajar dalam negeri.

**Puan Kamalia binti Ibrahim:** Tuan Yang di-Pertua, dalam kita hendak mewujudkan lebih banyak peluang dan tempat untuk pelajar-pelajar kita belajar dalam negeri, saya ingin bertanya kepada pihak kementerian adakah pihak kementerian bercadang ataupun mungkin telah membuat kajian untuk memperkenalkan konsep baru pengajian tinggi dengan menggunakan telemedia atau multimedia, contohnya mengadakan universiti-universiti virtual untuk dapat menampung kekurangan tempat, kekurangan guru, terutamanya tenaga pengajar. Terima kasih.

**Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan Dewan yang mulia ini, memang kita juga antara langkah yang diambil itu sedang mempertingkatkan kemudahan untuk pelajar-pelajar kita belajar melalui program jarak jauh dan perkara ini sedang diambil tindakan oleh pihak-pihak yang berkaitan. Dan memang ada juga dalam perancangan kerajaan melalui Kementerian Pendidikan untuk mengadakan sebuah virtual university, dengan izin, di negara kita ini apabila sampai masanya. Malahan pada keseluruhannya apabila kita menyebut soal

alam pendidikan di negara kita ini, penekanan yang kita beri sekarang ialah untuk mempertingkatkan lagi pendedahan dan kemahiran di kalangan pelajar-pelajar, guru-guru, pensyarah-pensyarah supaya dapat menguasai pelbagai bentuk dan corak bidang teknologi untuk menimba ilmu dan pengetahuan mulai sekarang dan di masa-masa yang akan datang supaya dapat menampung keperluan masa depan negara.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Puan Hajah Habshah binti Haji Osman.

**Puan Hajah Hunaizah binti Mohd. Noor:** Tuan Yang di-Pertua, soalan No. 7.

**LEMBAGA URUSAN DAN TABUNG HAJI - PENGANGKUTAN  
JEMAAH HAJI OLEH SYARIKAT TRANSMILE**

**7. Puan Hajah Hunaizah binti Mohd. Noor [di bawah S.O. 23(2)]** minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) rasionalnya Lembaga Tabung Haji memberikan urusan pengangkutan jemaah haji seramai 24,000 orang dari Kuala Lumpur/Jeddah/Kuala Lumpur kepada syarikat Transmile untuk musim haji akan datang. Sudah berabad lamanya pengangkutan jemaah haji ini dikendalikan oleh penerbangan Malaysia iaitu MAS untuk membawa para jemaah, mengapakah perlu penukaran ini; dan
- (b) berapakah jumlah rakyat Indonesia yang mengerjakan haji melalui LTH.

**Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Dalam musim haji 1418 Hijrah atau 1998 Masihi akan datang, terdapat tiga buah syarikat penerbangan tempatan dan sebuah syarikat penerbangan Saudi berminat mengendalikan penerbangan haji. Syarikat penerbangan yang berkenaan ialah Transmile Air, Air Asia, Sistem Penerbangan Malaysia (MAS) dan Saudi Arabia Airlines. Dalam hubungan ini, kerajaan telah bersetuju supaya mengadakan negotiated tender bagi penerbangan charter haji 1418 Hijrah. Lembaga Tabung Haji telah memutuskan supaya urusan penerbangan charter haji 1418 Hijrah diberi kepada Transmile Air dan Penerbangan Saudi, masing-masing akan membawa 50% jemaah haji daripada kuota yang ditetapkan oleh kerajaan Arab Saudi. Pemilihan kedua-dua syarikat tersebut kerana menawarkan tambang yang kompetitif.
- (b) Pada masa musim haji tahun lalu (1417 Hijrah atau 1997 Masihi) seramai 7 orang rakyat Indonesia menunaikan fardu haji melalui Tabung Haji. Pemergian mereka dibenarkan kerana mengikut suami mereka rakyat Malaysia.

**Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Baru-baru ini kita mendengar dalam berita bahawasanya Lembaga Tabung Haji akan mengeluarkan subsidi kepada mereka yang menunaikan haji ini kerana kemungkinan kos sudah naik. Saya ingin tahu daripada pihak kerajaan apakah punca kenaikan kos ini dan adakah pihak Tabung Haji mempunyai hak untuk memberikan subsidi kepada mereka yang menunaikan haji ini kerana ini merupakan satu precedent. Jadi kalau pada masa akan datang sekiranya kos naik, Tabung Haji berkemungkinan terpaksa mengeluarkan perbelanjaan untuk menampung keperluan mereka yang hendak menunaikan haji bagi mengatasi kenaikan kos ini.

**Dato' Haji Muhamad bin Abdullah:** Tuan Yang di-Pertua, Tabung Haji terpaksa memberikan subsidi ialah kerana kos untuk menunaikan haji telah naik, bukan sahaja tambangnya bahkan nilai mata wang dengan Rial Saudi juga berbeza, telah naik, dengan sebab itulah kos yang terlibat dengan keseluruhan haji ini naik. Maka kita tidak ada pilihan pada kali ini kecuali Lembaga Tabung Haji memberikan subsidi lebih kurang keseluruhannya hampir RM28 juta.

Yang kedua, ini memang ada hak untuk Tabung Haji memutuskan demikian rupa setelah mendapat kebenaran daripada kerajaan kerana kalau kita terus mengenakan kos yang tinggi kepada orang yang akan pergi haji pada tahun 1998, mungkin ramai di antara mereka yang telah ditentukan untuk pergi,

terpaksa tidak pergi kerana mereka tidak mampu untuk menambah kewangan mereka dengan serta-merta. Oleh kerana Tabung Haji dan kerajaan bertimbang rasa di atas hal ini, maka sebab itulah kerajaan memutuskan memberikan subsidi pada kali ini. Di masa-masa akan datang, itu terpulanglah sebagaimana yang difikirkan sesuai oleh pihak Lembaga Tabung Haji dan juga kerajaan.

**Tuan Abdillah bin Abdul Rahim:** Tuan Yang di-Pertua, terdapat juga orang yang naik haji berkali-kali sehingga orang lain terpaksa menunggu giliran dan baru-baru ini saya telah difahamkan kalau naik haji terpaksa tunggu giliran sekurang-kurangnya tiga tahun. Apakah tindakan ataupun usaha kerajaan untuk mengelakkan perkara ini daripada berlaku?

**Dato' Haji Muhamad bin Abdullah:** Tuan Yang di-Pertua, memang kita cuba seboleh mungkin supaya orang yang pernah pergi ke Mekah ataupun naik haji tidak menunaikan sekali lagi, sebab kewajipan ke atas muslim itu pergi ke Mekah hanya sekali, tidak perlu banyak kali untuk pergi ke Mekah walaupun Rasulullah s.a.w. sendiri duduk di Mekah, baginda tidak pergi banyak kali kerana dia takut menjadikan umat Islam ini memikirkan supaya wajib pergi ke Mekah itu banyak kali. Sebab itulah pergi ke Mekah ini sekali seumur hidup, tetapi kadangkala ada juga yang pergi itu memang di antaranya menemani waris yang terdekat yang patut mereka pergi sekali. Itu yang pertama. Yang keduanya, kalau dahulu memang tidak ada sekatan yang sedemikian rupa tetapi sekarang ini terlalu ramai yang hendak pergi, maka

sebab itulah kita amat mengambil berat dan memberitahu supaya orang yang pernah pergi ke Mekah janganlah pergi sekali lagi. Ini tindakan yang kita buat.

#### **‘SAMAN EKOR’ OLEH POLIS TRAFIK - KAJI SEMULA SISTEM**

**8. Tuan Jang Chow Thye** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan adakah kementerian sedar bahawa kebanyakan ‘saman ekor’ yang dikeluarkan oleh polis trafik kepada pemandu-pemandu kenderaan di atas kesalahan yang tidak dilakukan oleh mereka telah menimbulkan banyak keraguan dan kemarahan para pemandu kepada polis dan kerajaan. Ini adalah kerana sistem yang digunakan oleh polis untuk mengesan pemandu kenderaan yang melakukan kesalahan di bawah Akta Lalulintas tidak tepat. Adakah kementerian bercadang mengkaji semula sistem yang digunakan oleh pihak polis trafik untuk mencapai ‘zero defect’ kepada sistem tersebut.

**Dato' Ong Ka Ting:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izin untuk menjawab soalan ini bersama-sama dengan soalan No. 18 yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin pada hari ini juga.

Tuan Yang di-Pertua, pelaksanaan saman ekor yang dijalankan sekarang adalah untuk menyaman pemandu-pemandu yang melanggar peraturan jalan raya dan dikhususkan kepada kesalahan yang tertentu, seperti kesalahan memandu lebih daripada had laju, kesalahan tidak berhenti di lampu isyarat merah, kesalahan-kesalahan nyata seperti memotong garis berkembar, memotong di selekoh merbahaya dan kesalahan-kesalahan trafik yang menyumbang kepada berlakunya kemalangan di jalan raya.

Dengan pelaksanaan ‘saman ekor’ secara menyeluruh serta mendapat publisiti umum, para pemandu akan lebih berhati-hati apabila berada di jalan

raya dan tidak sewenang-nya melakukan kesalahan lalu lintas terutamanya yang boleh menyumbang kepada kemalangan maut.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Dalam Negeri memang menyedari terdapat beberapa kelemahan semasa pihak polis mengambil tindakan saman ekor menyebabkan kemarahan para pemandu. Namun begitu, sekiranya berlaku kesilapan seperti tersalah catat nombor kenderaan ataupun kenderaan yang terlibat menggunakan nombor plat palsu atau nombor plat yang telah diubahsuai, polis akan menyiasat mengenai perkara tersebut. Sekiranya berlaku kesilapan, saman tersebut akan dibatalkan.

Kementerian telah pun mengkaji semula pelaksanaan saman ekor dan menetapkan setiap saman yang dikeluarkan mulai daripada sekarang haruslah menyatakan dengan tepat nombor pendaftaran kenderaan, warna kenderaan dan model kenderaan. Sekiranya salah satu daripada tersebut tidak tepat, maka saman tersebut akan dibatalkan.

**Tuan Yim Chee Chong:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya ialah berapa ramai orang yang menerima saman ekor? Adakah Senator-senator di dalam Dewan yang mulia ini menerima saman ekor, ada berapa ramai? Mengikut laporan berita yang mengatakan beratus ribu orang yang menerima saman ekor itu. Mengikut undang-undang, kalau saman dikeluarkan sama ada membayar kompaun di balai polis ataupun kalau tidak mengaku salah akan dibicarakan di mahkamah. Kalau orang yang tidak mengaku salah dan tidak



mahu membayar kompaun, maka adakah pihak polis membawa orang yang kena saman itu dibicarakan di mahkamah? Kalau dibicarakan di mahkamah, apakah buktinya untuk membuktikan seseorang itu melakukan kesalahan lalu lintas.

Tetapi mengikut laporan berita, ramai orang yang bawa motokar, dalam samannya mengatakan membawa lori. Ini bolehkah menjadi satu bukti di mahkamah? Adakah diterima oleh mahkamah yang dia bawa itu kereta, tetapi dalam saman mengatakan lori. Nampaknya banyak kelemahan yang dilakukan oleh pihak polis. Adakah pihak polis akan bebaskan kalau sekiranya orang itu tidak mengaku salah dan tidak dibawa ke mahkamah? Sekian, terima kasih.

*[Ketawa]*

**Dato' Ong Ka Ting:** Tuan Yang di-Pertua, memang benar banyak saman ekor telah dikeluarkan. Dalam tahun 1996 ada lebih 289,000 saman dikeluarkan, itu pun tidak banyak. Tahun ini sahaja, dalam sembilan bulan yang pertama, sebanyak 980,000 lebih telah dikeluarkan. Maknanya, sejak tahun lepas sampai bulan September tahun ini, sejumlah 1.27 juta saman ekor telah dikeluarkan. Kalau hendak teruskan, saya rasa, 2 juta pun boleh sampai. Ini menunjukkan satu gejala, tak tahulah negara lain macam mana. Pemandu di negara kita memang kerap sangat melanggar undang-undang.

Memang terdapat kesilapan dan kesilapan pun pihak polis telah beri arahan kepada semua pejabat polis daerah, kalau siapa bawa saman kata dia

tidak bersalah, maka polis tengok dengan serta-merta, seperti Yang Berhormat Tuan Yim telah mengatakan yang bawa lori, dia sudah jadi bawa kereta. Kalau dia dapat buktikan bahawa dalam saman itu tulis lori, manakala kad milik itu adalah kenderaan lain, maka polis akan batalkan, tidak payah sampai ke mahkamah, tidak didakwa langsung. Arahan ini sudah diberi kepada semua pejabat polis untuk memudahkan aduan ini. Itu pun dari segi jumlah aduan dalam satu tahun bagi sembilan bulan ini yang mengatakan silap polis hanya 8,739 kes yang telah mengadu bahawa silap, iaitu kira-kira 0.67% sahaja daripada jumlah 99% yang memang ada kesilapan.

Walau bagaimanapun, polis peka kepada aduan dan baru-baru ini kita sedang kaji semula terutamanya program komputer kita. Kita tulis semula program komputer, kita cuba beli alat-alat komputer yang lebih canggih supaya masuk lagi banyak butiran yang saya sebut tadi, bukan sahaja nombor plat tetapi model kenderaan dan warna kenderaan. Bila key-in komputer, komputer tunjukkan walaupun nombor itu betul tetapi jenis kenderaan lain. Kalau lori kita key-in masuk, komputer data base kata motosikal, maka saman itu batal dengan sendirinya. Ini satu cara yang lebih baik dan sedang dirancang dan dijangka akan bermula pada bulan hadapan.

Jadi, kita harap bolehlah bersama-sama kita jaga keselamatan. Malaysia merupakan sebuah negara yang kadar kemalangan paling tinggi, di antara negara yang paling tinggi sekali. Kita kena hargai nyawa rakyat kita, bukan

tengok sahaja saman ekor apa masalah. Kita tengok sejauh mana kadar kemalangan itu boleh diturunkan.

**Puan Hajah Rahaiah binti Baheran:** Tuan Yang di-Pertua, adakah kementerian sedar bahawa ada kereta-kereta Yang Berhormat kena saman ekor, tetapi dalam senarai itu - panjang senarainya - yang banyak itu samannya RM30 dan saman ini sebahagian besarnya adalah kerana kesalahan tidak membayar sewa letak kereta di Bandaraya Kuala Lumpur walhal sudah ada kertas kebenaran yang diberi dan dilekatkan di cermin kereta Yang Berhormat-Yang Berhormat ini. Soalannya, apakah cara yang paling mudah atau menjimatkan masa bagi menyelesaikan masalah saman ekor atau yang tidak kena saman ekor ini? Sekian, terima kasih.

**Dato' Ong Ka Ting:** Tuan Yang di-Pertua, selalunya ketua trafik di kawasan yang berkenaanlah orang yang boleh menyelesaikan masalah ini dengan cepat. Kalau sekiranya masih terdapat perkara yang berulang kali berlaku, maka Yang Berhormat boleh rujuk kepada kementerian saya supaya kita akan ambil tindakan bagi memastikan saman itu tidak disalahkeluarkan kepada orang yang tidak sepatutnya terima ini.

## **SUMMIT USA DAN CHINA - IMPLIKASI DUNIA**

**9. Puan Kamalia binti Ibrahim** minta Menteri Luar Negeri menyatakan apakah implikasi Summit USA dan China yang diadakan di antara Clinton dan Jiang ke atas senario keamanan politik dunia, ekonomi, kawalan spekulasi mata wang dan pasaran saham global negara dan pelaksanaan Deklarasi Rio ke atas “environment” negara dan antarabangsa.

**Timbalan Menteri Luar Negeri [Datuk Dr. Leo Michael Toyad]:**

Tuan Yang di-Pertua, semasa perbincangan dua hala yang diadakan antara kedua-dua pemimpin tersebut di Amerika Syarikat, iaitu pemimpin Amerika Syarikat dan Republik Rakyat China, termasuklah isu perdagangan Amerika Syarikat dan RRC, keahlian RRC di Organisasi Perdagangan Antarabangsa (WTO), isu hak milik intelek, isu hak asasi manusia, isu kebebasan beragama, pengedaran dadah, kerjasama nuklear secara am, isu Taiwan, isu Semenanjung Korea dan pakatan pertahanan Amerika Syarikat-Jepun. Isu kawalan spekulasi mata wang, pasaran saham global dan pelaksanaan Deklarasi Rio tidak dibangkitkan oleh kedua-dua pemimpin.

Walaupun masih terdapat beberapa perbezaan dalam hubungan dua hala, Amerika Syarikat dan Republik Rakyat China, kedua-dua pemimpin telah bersetuju untuk bersama-sama berganding bahu dan bekerjasama dalam bidang keselamatan, politik, ekonomi, perdagangan dan sosial. Jadi, mesyuarat dua hala di peringkat atasan akan diadakan dengan lebih kerap lagi dalam usaha untuk mengeratkan dan juga mempertingkatkan lagi hubungan dua hala Amerika Syarikat dan Republik Rakyat China.

Di antara implikasi-implikasi yang penting adalah seperti berikut:

- (i) hubungan baik di antara Amerika Syarikat dan Republik Rakyat China bukan sahaja akan dapat membantu

pembangunan ekonomi kedua-dua buah negara, malahan pertumbuhan ekonomi rantau Asia Pasifik pada amnya; dan

- (ii) sebagai dua kuasa pasifik yang besar, hubungan kerjasama dua hala Amerika Syarikat dan RRC yang lebih mantap akan dapat meningkatkan keamanan dan kestabilan di rantau ini dalam menempuh abad yang akan datang.

Jadi, perbezaan pendapat di antara mereka, sebagai contoh dalam isu Taiwan, isu Korea Utara dan isu hak asasi manusia tidak seharusnya menjejaskan keamanan dan kestabilan yang dimaksudkan itu.

**Tuan Hanipah bin Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin mendapat penjelasan daripada pihak kerajaan apakah hasil limpahan daripada pertemuan Clinton dengan Jiang ini kepada Malaysia?

**Datuk Dr. Leo Michael Toyad:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan Dewan yang mulia ini, limpahan yang kita dapat dari hasil pertemuan kedua-dua pemimpin ini adalah seperti secara am yang saya sebutkan tadi bahawa kita mengatakan ekonomi dan pembangunan Asia Pasifik melibatkan kita di rantau ini juga. Yang penting untuk kita ialah satu usaha mengadakan kestabilan politik, kestabilan keamanan dan juga kerjasama yang erat antara kedua-dua kuasa pasifik ini supaya pembangunan dan kemajuan ekonomi dapat berjalan dengan lancar.

**Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya, bila kita bercakap berkenaan dengan senario keamanan, politik dunia, ekonomi, kawalan spekulasi mata wang, pasaran saham global dan pelaksanaan Deklarasi Rio, kita nampak seolah-olah kuasa-kuasa besar termasuklah Amerika dengan China ini menggunakan pengaruh mereka untuk mempengaruhi perjalanan Bangsa-Bangsa Bersatu. Apakah pandangan kerajaan terhadap perkara ini?

**Datuk Dr. Leo Michael Toyad:** Tuan Yang di-Pertua, ini adalah satu pandangan yang boleh dikatakan nampaknya memang usaha-usaha kita bekerjasama di peringkat antarabangsa. Memang kita membuat pendirian bahawa kita dapat juga peluang untuk menyatakan pendirian kita, tetapi memanglah kadang-kadang dalam isu-isu tertentu kita nampak usaha-usaha negara-negara yang maju menggunakan kekuatan atau pengaruh mereka ini dan bukannya selalu tetapi dalam isu-isu yang boleh dikatakan diberi keutamaan oleh mereka.

#### **GERAKAN SYIAH DI INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI - LANGKAH MEMBENDUNG**

**10. Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin** minta Perdana Menteri menyatakan sejauh manakah seriusnya gerakan syiah di Malaysia dan di institusi pengajian tinggi. Adakah pihak kementerian berpendapat gerakan ini akan memecahbelahkan umat Islam. Jika ya, apakah langkah kerajaan untuk membendungnya.

**Dato' Haji Muhamad bin Abdullah:** Tuan Yang di-Pertua, gerakan syiah di Malaysia termasuk di institusi pengajian tinggi kini masih terkawal. Kerajaan sentiasa mengawasi gerakan mereka sama ada di institusi pengajian tinggi atau di mana-mana tempat di negara ini. Kawalan ini adalah perlu kerana jika dibiarkan, ia boleh membawa bahaya kepada akidah umat Islam dan akan memecahbelahkan umat di negara ini.

Langkah-langkah yang diambil oleh kerajaan bagi membendung masalah ini termasuklah mengadakan perbincangan terus dengan institusi pengajian tinggi tempatan, memberi taklimat akan bahaya syiah kepada guru-guru serta pelajar-pelajar di institusi-institusi pengajian tinggi, di maktab-maktab dan di sekolah-sekolah.

**Puan Kamalia binti Ibrahim:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya ialah adakah penggunaan ISA merupakan salah satu cara yang dapat membendung penyebaran pengajaran syiah ini? Terima kasih.

**Dato' Haji Muhamad bin Abdullah:** Tuan Yang di-Pertua, kerajaan berpendapat demikian.

**Datuk Haji Hashim bin Safin:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mendapat penjelasan lanjut. Setakat ini apakah tangkapan ataupun tahanan ataupun penyiasatan sedang dibuat kepada tokoh-tokoh ataupun mereka yang mengepalai gerakan syiah di Malaysia ini?

**Dato' Haji Muhamad bin Abdullah:** Memang kita telah memberi maklum kepada seluruh rakyat kita di masa-masa yang lepas supaya mereka tidak menyebarkan ajaran syiah ini di kalangan penduduk-penduduk umat Islam di negara kita. Kita telah lama memberi gambaran ini, maka oleh sebab masih berlaku lagi dan kita dapat kenal pasti di antara mereka, sama ada mereka itu merupakan pemimpin yang besar ataupun sebagainya, maka kita telah menahan beberapa orang yang kita telah ketahui ialah seramai 10 orang. Ini adalah di antara mereka yang kita telah kenal pasti. Maka kita terpaksa membuat tangkapan ini, oleh kerana kita takut perkara ini akan merebak lebih banyak lagi kepada orang ramai, kerana kalau sekiranya ajaran syiah ini telah merebak di seluruh negara, memang sukar bagi kerajaan untuk menahannya.

Kita lihat sahajalah di negara-negara luar yang mana ajaran syiah ini telah merebak, maka bukanlah satu tugas yang mudah untuk negara tersebut membanteraskan. Oleh kerana negara kita ini berpegang kepada pegangan Ahli Sunnah Waljamaah, maka kita tidak mahu rakyat berpecah-belah. Di samping itu kita tidak mahu perkara-perkara lain terlibat kerana bahaya syiah ini bukan sahaja kepada akidah, tetapi termasuk juga kepada syariah, akhlak, pada umat dan juga kepada negara. Maka sebab itulah kita mengambil tindakan menahan beberapa orang yang kita kira di antara kader-kader mereka yang menjalankan ajaran ini di negara kita.

#### **KES DENGGI SELURUH NEGARA - LAPORAN**



**11. Dato' Ting Check Sii** minta Menteri Kesihatan menyatakan kes denggi di seluruh negara dilaporkan meningkat 127% dan Jun 1996 hingga Jun 1997 dengan 22 kes kematian. Memandangkan kempen Anti Denggi telah lama dijalankan oleh kerajaan, kenapakah bilangan kesnya masih meningkat. Jika kempen ini tidak efektif, adakah kerajaan merancang kempen bentuk lain untuk menggantinya.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan [Dato' M. Mahalingam]:** Tuan Yang di-Pertua, sehingga bulan Jun sebanyak 7,912 kes demam denggi dengan 22 kematian telah dilaporkan di seluruh negara berbanding dengan 3,522 kes dengan 13 kematian pada tempoh yang sama tahun 1996. Ini menunjukkan berlaku peningkatan kes sebanyak 127%.

Sejak pelaksanaan program kawalan denggi pada tahun 1975, sebahagian besar Kempen Anti Denggi telah dijalankan oleh Kementerian Kesihatan sahaja. Pada bulan Julai tahun ini satu kempen khas yang melibatkan beberapa kementerian dan agensi terutamanya Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Kementerian Pendidikan Malaysia dan Kementerian Penerangan Malaysia telah dijalankan. Kejadian demam denggi telah menunjukkan penurunan peningkatan kes kepada 39.2%. Ini menunjukkan kempen tersebut yang menggunakan pendekatan berintegrasi dan bertumpu kepada kawasan keutamaan, seperti tapak pembinaan, kilang, industri, sekolah, selain dari rumah kediaman adalah efektif.

**Datuk Haji Kasim bin Mh. Yusop:** Tuan Yang di-Pertua, baru-baru ini di tempat saya telah berlaku wabak denggi dan alhamdulillah pihak

Jabatan Kesihatan dan pihak hospital telah datang ke kampung itu untuk membantu meringankan penebaran demam denggi itu. Tetapi yang saya ragukan, walaupun semburan asap telah dilaksanakan di kampung itu beberapa kali, ramai di antara penduduk di kampung itu terpaksa pergi ke klinik kerana demam. Bila pergi ke klinik, pihak klinik mengatakan demam yang dihadapi itu adalah disebabkan asap. *[Ketawa]* Begitu juga kulit-kulit mereka ada yang merah-merah. Jadi, pihak klinik mengatakan bahawa ini adalah keracunan yang disebabkan oleh asap. Jelas sekali pokok-pokok bunga yang disemur oleh asap itu banyak yang mati. Tetapi malangnya nyamuk masih banyak. Jadi, saya hendak tahu adakah pihak kementerian sentiasa menguji keberkesanan bahan-bahan yang digunakan untuk mencegah pembiakan denggi ini?

**Dato' M. Mahalingam:** Tuan Yang di-Pertua, semalam pun di sekeliling rumah saya ada disemur dengan kabus dan pada tiap-tiap minggu juga disemur, tetapi bunga dan pokok lain tidak mati. *[Ketawa]* Jadi, itulah bukti yang saya boleh beri di sini. Apa yang menjadi masalah ialah kurang penyertaan masyarakat dalam pencegahan dan pengawalan pembiakan denggi, seperti kerjasama dengan pemeriksaan premis, semburan kabus dan pembuangan sampah. Kita suka membuang sampah-sampah termasuk tin-tin kosong dan bekas-bekas plastik secara teratur. Itulah budaya yang kita ada. Inilah yang menjadi masalah kita, iaitu untuk mendapatkan orang-orang yang bekerja dengan kita - itulah masalahnya.

**Tuan Yim Chee Chong:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengetahui dari Yang Berhormat Setiausaha Parlimen tentang kes denggi, kenapa ada yang mati dan ada yang tidak mati, apa sebabnya? *[Ketawa]*

**Seorang Ahli:** Yang tidak teruk tidak mati.

**Dato' M. Mahalingam:** Tuan Yang di-Pertua, ada dua jenis denggi, satu ialah demam denggi berdarah dan demam denggi tidak berdarah. Siapa yang terkena dengan demam denggi berdarah memang ada kematian, strains are different.

**SYARIKAT KERETA DAN MOTOSIKAL PROTON,  
PERODUA DAN MODENAS - JUMLAH KELUARAN TAHUNAN**

**12. Tuan Tan Swee Hueng** minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan:

- (a) apakah kedudukan syarikat kereta dan motosikal seperti Proton, Satria, Perodua dan Modenas; dan
- (b) berapakah keluaran tahunan masing-masing dari 1995 - 1997 dan apakah jangkaan keluaran pada tahun 1998.

**Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri [Dato'**

**Kerk Choo Ting]:** Tuan Yang di-Pertua;

- (a) untuk makluman Ahli Yang Berhormat Satria adalah sejenis model kereta dan bukan syarikat. Oleh sebab itu jawapan ini adalah bagi kedudukan syarikat PROTON, termasuk Satria dan Tiara. PERODUA dan MODENAS.

Tuan Yang di-Pertua, sehingga September 1997, jumlah jualan kereta PROTON, termasuk Satria dan Tiara adalah sebanyak 147,367 unit dengan menguasai 63 peratus pasaran tempatan. PERODUA pula telah berjaya menguasai 16.1 peratus pasaran tempatan dengan jualan sebanyak 50,024 unit.

Kriss, motosikal keluaran MODENAS, walaupun baru dilancarkan pada penghujung tahun lepas, telah berjaya berada di tempat kedua selepas motosikal jenama Honda. Jumlah jualan motosikal MODENAS sehingga September tahun ini adalah sebanyak 83,581 unit dengan menguasai 27.8 peratus pasaran tempatan.

- (b) keluaran tahunan syarikat-syarikat tersebut bagi tahun 1995 hingga 1997 dan jangkaan keluaran pada tahun 1998 adalah seperti berikut:

<b>unit)</b>	<b>1995 (unit)</b>	<b>1996 (unit)</b>	<b>1997 (unit)</b>	<b>1998 (jangkaan)</b>
PROTON	155,000	168,000	246,657	177,900
PERODUA	40,356	55,963	78,000	79,500
MODENAS	-	-	120,000	190,000

Sekian, sahaja.

**Tuan Tan Swee Hueng:** Apakah insentif yang diberi oleh kerajaan kepada syarikat-syarikat tersebut? Misalnya pinjaman atau tax incentive.

**Dato' Kerk Choo Ting:** Insentif bagi siapa?

**Tuan Tan Swee Hueng:** Syarikat-syarikat tersebut.

**Dato' Kerk Choo Ting:** Insentif ini adalah begini. PROTON dan PERODUA merupakan satu syarikat kereta nasional. Jadi, sebagai satu syarikat nasional, modal-modal yang seumpama itu ia tidak kena apa-apa tax. Oleh itu, segala kereta-kereta yang dimasukkan, diimportkan itu ia dikenakan dengan tax import yang tinggi dari 150% hingga 300% setahun.

**Tuan Yim Chee Chong:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Berapakah ramai menteri, timbalan menteri ataupun setiausaha Parlimen yang menggunakan kereta Perdana setakat ini?

**Dato' Kerk Choo Ting:** Tuan Yang di-Pertua, pada setakat ini mungkin satu dua orang sahaja.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah selesai.

*[Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 13 hingga 17 dan 19 hingga 35 akan dijilid dalam buku berasingan].*

**RANG UNDANG-UNDANG****RANG UNDANG-UNDANG BANK NEGARA MALAYSIA  
(PINDAAN) 1997****Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga**

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, “bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.” *[1 Disember 1997]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Datuk Haji Abdul Majid bin Haji Baba, sila sambung ucapan.

**3.42 ptg.**

**Datuk Haji Abdul Majid bin Haji Baba:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengambil kesempatan untuk menyambung semula perbahasan Rang Undang-undang Bank Negara Malaysia (Pindaan) 1997.

Saya tidak mengambil masa yang lama, mungkin akan memberi peluang kepada rakan-rakan yang lain. Saya akan menyentuh beberapa perkara. Dalam keadaan negara kita dilanda krisis wang, kemerosotan pelaburan akibat daripada yang dilakukan oleh setengah-setengah pihak, yang kita terima bukan negara kita sahaja yang dilanda krisis kewangan tersebut, tetapi negara jiran adalah lebih teruk lagi keadaannya.

Kita bersyukur kepada Allah S.W.T. bahawa pemimpin kita dapat membendung keadaan dan bertahan dengan keadaan yang kita hadapi sekarang ini. Segala-galanya atas kebijaksanaan pemimpin kita iaitu Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad dan juga Yang Amat Berhormat Dato' Seri Anwar bin Ibrahim, yang sentiasa berusaha siang dan malam tidak mengenal penat lelah, berani. Pemimpin kita disegani dan mempunyai kebolehan yang luar biasa jika dibandingkan dengan negara-negara jiran kita. Dalam pada kita menghadapi krisis kewangan ini, pemimpin dunia ramai yang datang melawat negara kita. Ini menunjukkan bahawa kekukuhan dan ketegasan pemimpin kita. Boleh dikatakan setiap hari bukan sahaja datang bahkan menyokong kita dan juga langkah-langkah yang dijalankan oleh kerajaan. Kita berjaya dalam segala persidangan seperti Persidangan Asia Pasifik baru-baru ini dapat mempengaruhi rakan-rakan dalam mesyuarat tersebut.

Rakyat masih kuat perpaduan, bertambah kukuh keadaannya, pembangkang pun sokong kita. Parti PAS sama ada DAP juga menyokong langkah kerajaan kita. Majlis Bertindak Ekonomi Negara (NEAC) yang telah diwujudkan dan baru-baru ini pemimpin DAP sendiri menyokong dengan terang langkah tersebut dan beliau mengharapkan supaya pemilihan mewujudkan Jawatankuasa Majlis Bertindak Ekonomi Negara itu dapat turut serta untuk mengendalikan dan membendung keadaan inflasi.

Saya rasa bahawa perkara yang berlaku ini ada juga baiknya ataupun hikmahnya kepada kita, dengan cara tidak langsung bahawa pemimpin kita menyeru supaya kita tidak boros. Saya ulang lagi sekali, semalam saya sudah perkatakan. Kita tidak payah melawat ke luar negeri buat sementara sekarang ini dan kawalan mata wang kita, iaitu kita tidak menggalakkan membeli barang-barang buatan luar, kita menggalakan buatan industri kita sendiri, menggunakan barang-barang kita sendiri dan mengajak rakyat sama untuk bercucuk tanam. Yang kita tahu bahawa banyak wang telah dibelanjakan untuk membeli barang-barang luar, dengan keadaan yang sedemikian kita yakin bahawa kita dapat membendungnya.

Mengenai dengan Rang Undang-undang Bank Negara Malaysia (Pindaan) 1997 wajar dipinda keadaannya sekarang ini, kerana kita tahu bahawa bagi pihak bank juga sentiasa menghadapi masalah dan kadangkala berlaku penyelewengan, berlaku tipu daya, kecurian. Pernah satu ketika ada terowong lalu di bawah bank dan berlaku kecurian, begitu sekali keadaannya. Mungkin dengan undang-undang ini diperketatkan lagi dan dikaji dari satu masa ke satu masa kita dapat membendung perkara tersebut. Kadangkala kita lihat bahawa pengarah-pengarah, kakitangan ataupun pekerja-pekerja bank itu terlibat juga dari segi penyelewengan, sebab itu ada orang kata, kalau hendak memilih seseorang itu, sama ada pemimpin ataupun memilih pentadbir itu ada caranya:



Pilih-pilih tempat bermandi

Pertama teluk, kedua pantai

Pilih-pilih tempat menjadi

Pertama yang elok, kedua yang pandai

Sebab itu orang-orang tua dahulu dia pilih yang elok dahulu, sebab elok itu banyak boleh dikirakan. Elok perangai, elok pentadbiran, elok budi bahasanya, tetapi kalau kita pilih pandai belum tentu lagi, boleh jadi pilih yang pandai itu, boleh seleweng, putar belit dan sebagainya. Jadi, contoh ini patut diikuti bila mana kita memilih seseorang pemimpin ataupun pentadbiran negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, baru-baru ini, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita telah menegur bahawa kenaikan barang jualan. Perkara ini tidak seharusnya berlaku seperti minyak masak yang dibuat daripada kelapa sawit, sedangkan bahan itu datang dari negara kita sendiri, tidak sepatutnya mereka mengaut keuntungan dalam keadaan negara yang sedemikian. Ini akan membebankan rakyat lagi, mereka yang melakukan adalah seolah-olah sabotaj kepada negara kita, jadi dengan itu kita mengharapkan supaya kementerian yang berkenaan iaitu di bawah pimpinan Dato' Seri Megat Junid bin Megat Ayob, mestilah mengambil tindakan dan membendung keadaan tersebut, jika tidak rakyatlah yang menanggung dan menderita.

Kita yakin dan kita tahu bahawa dalam masa tidak berapa lama lagi dua kaum yang terbesar di negara kita akan menyambut Hari Raya, sama ada Hari

Raya Aidilfitri ataupun Tahun Baru Cina (Gong Xi Fa Cai). Ada dua perayaan. Jadi akibatnya sangat besar, kalau barang-barang ini akan dinaikkan lagi.

Saya tidak bermaksud untuk bercakap panjang kerana semalam saya sudah bercakap, jadi setakat itu sahajalah. Kata orang macam ‘tauke buluh kasap, hujung yang pergi pangkal yang lesap’, dengan ini saya menyokong Rang undang-undang tersebut. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Puan Hajah Hunaizah binti Mohd. Noor.

**3.50 ptg.**

**Puan Hajah Hunaizah binti Mohd. Noor:** Tuan Yang di-Pertua, sebelum daripada saya menyokong Akta Bank Negara (Pindaan) yang telah dibentangkan semalam, ingin saya mengemukakan beberapa pandangan saya dalam Akta tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyatakan di sini bahawa Bank Negara hendaklah betul-betul beroperasi dengan cara yang bersungguh-sungguh, iaitu mengambil kira pandangan awal yang mungkin telah diberi oleh pakar-pakar ekonomi negara, termasuk kakitangan-kakitangan akademik dari universiti tempatan. Maksud saya sebelum negara kita menghadapi kelembapan ekonomi, mungkin sudah ada pandangan-pandangan awal yang memberi amaran kepada kerajaan untuk mengawasi suasana ekonomi dengan penuh prihatin agar tidak berlaku pembaziran di dalam membangunkan projek-projek mega yang tanpa mengeluarkankan hasil negara dan ini adalah merupakan

kerugian. Oleh itu, saya ingin mencadangkan supaya Bank Negara benar-benar mengkaji corak perjalanan serta pengurusannya beroperasi mengikut cara Islam. Saya yakin tenaga-tenaga pakar ekonomi boleh berusaha di dalam waktu jangka pendek atau jangka panjang untuk melaksanakan kerja-kerja tersebut, dengan ini saya turut menyokong Rang Undang-undang Bank Negara Malaysia (Pindaan) 1997 yang telah pun dibentangkan. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin.

**3.52 ptg.**

**Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin:** Tuan Yang di-Pertua, saya juga turut bangun untuk sama-sama menyokong Rang Undang-undang Bank negara Malaysia (Pindaan) 1997.

Sebelum saya meneruskan ucapan Tuan Yang di-Pertua, saya amat tertarik dengan ungkapan yang disebut oleh rakan saya tadi, iaitu Datuk Haji Abdul Majid bin Haji Baba. Kalau diizinkan saya ingin menambah:

Pilih-pilih tempat mandi

Pertama teluk, kedua pantai

Pilih-pilih meletak hati

Pertama elok kedua pandai

Disebutkan oleh Yang Berhormat tadi.

Jangan jadi sialan ayam

Padi menjadi makan di hutan.

Alhamdulillah bagi negara kita pemilihan yang dibuat oleh rakyat adalah tepat, pemilihan kepada pemimpin-pemimpin di negara kita, yang mana pemimpin-pemimpinnya diberi kepercayaan setelah kita menghadapi beberapa pilihan raya bererti kitalah yang 'di kepuk' dan kitalah yang makan - alhamdulillah.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin mengambil kesempatan di sini mengucapkan tahniah kepada Kementerian Kewangan yang telah berjaya membentangkan Rang Undang-undang Bank Negara Malaysia (Pindaan) 1997, yang mana Rang Undang-undang ini dibentangkan sejajar dengan pembentangan Rang Undang-undang Pengurupan Wang 1997.

[Timbalan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

Kita berharap banyak lagi bil mengenai pengurusan dan pentadbiran kewangan dapat dikaji supaya sistem kewangan negara akan mantap dan mampu menangani perkembangan-perkembangan semasa.

Saya yakin dan percaya dengan usaha-usaha yang ditunjukkan oleh Kementerian Kewangan, dengan kesungguhan yang dijalankan oleh mereka, kajian-kajian yang dibuat dan juga usaha-usaha mereka untuk menangani masalah-masalah yang sedang kita hadapi, walaupun kita juga menghadapi serangan yang sama hebat dengan negara-negara lain. Tetapi alhamdulillah sehingga setakat ini kita masih lagi boleh bertahan. Ini sudah tentulah hasil daripada kecekapan, kebijaksanaan dan juga hasil daripada kesungguhan semua

pihak terutamanya pemimpin-pemimpin dan juga pihak kementerian yang telah pun dapat mengawal keadaan sehingga serangan yang berlaku kepada negara kita tidaklah meninggalkan kesan yang begitu buruk sebagaimana yang berlaku kepada negara-negara jiran di sekeliling kita.

Tuan Yang di-Pertua, dalam kita menghadapi keadaan krisis yang berlaku sekarang ini, saya mempunyai keyakinan yang penuh bahawa kepimpinan Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad dan juga kepimpinan kerajaan kita akan dapat mengatasi masalah yang kita hadapi pada masa ini. Namun bagi kepimpinan-kepimpinan yang ada sudah tentu memerlukan sokongan dan juga memerlukan environment, dengan izin, environment yang memberikan kekuatan kepada mereka untuk mengatur strategi dan juga mengatur dasar-dasar dan juga polisi-polisi untuk menghadapi keadaan yang kita hadapi ini, kerana jika kita menoleh ke belakang, dalam kita menghadapi pembangunan di negara kita, di mana pembangunan ekonomi negara selama hampir 7 tahun ataupun 8 tahun kita telah mengecapi nikmat yang begitu baik, dengan pencapaian ekonomi yang begitu tinggi hasil daripada dasar-dasar yang dibuat, hasil daripada usaha-usaha yang dibuat oleh Yang Amat Berhormat Dato' Seri Perdana Menteri yang boleh kita anggapkan sebagai engineer yang telah pun mengatitkan satu sistem pentadbiran di mana ia telah membawa negara kita mencapai kejayaan yang begitu cemerlang.

Kejayaan ini bukan sahaja dapat dirasakan oleh rakyat Malaysia, tetapi mendapat pengiktirafan boleh dikatakan oleh kebanyakan negara di dunia ini, sehingga saya kira apa yang telah pun kita capai menimbulkan rasa cemburu di kalangan setengah-setengah pihak. Jika kita melihat akhbar-akhbar ataupun media-media massa asing, bukan sahaja ketika ini, tetapi beberapa ketika yang lalu, telah beberapa kali cuba menimbulkan isu-isu dan juga cuba menohmah kerajaan Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, bagi kita rakyat Malaysia dalam menghadapi isu sama ada serangan mata wang dan juga isu pencabulan kehormatan dan kedaulatan negara, saya berharap seluruh rakyat Malaysia tidak kira apa fahaman politik, tidak kira dalam kedudukan apa sahaja, sama ada kita terdiri daripada golongan-golongan pemimpin, pemerintah, pegawai-pegawai kerajaan di peringkat tinggi ataupun pegawai-pegawai kerajaan di mana-mana peringkat seperti petani, nelayan dan semua pihak haruslah berganding bahu. Kita semua harus sebulat kata, memberi sokongan yang tidak berbelah bahagi kepada pucuk pimpinan dan juga kerajaan supaya masalah-masalah yang kita hadapi ini dapat ditangani oleh pihak kerajaan.

Kita berdoa kepada Allah S.W.T supaya masalah yang kita hadapi ini dapat diselesaikan dalam masa yang singkat. Tanpa perpaduan, tanpa kerjasama dan juga tanpa persefahaman daripada semua pihak, saya fikir adalah

menjadi halangan kepada kita untuk mengatasi apa yang telah pun kita hadapi pada masa ini.

Negara Malaysia memang telah pun dapat membuktikan bahawa walaupun kita mempunyai rakyat yang berbilang kaum, tetapi perpaduan rakyat Malaysia telah pun dapat menunjukkan kepada dunia dengan perpaduan dan kerjasama kita telah dapat membangunkan negara kita daripada negara yang miskin, kepada negara yang membangun dan kita dalam usaha-usaha untuk menuju kepada negara maju. Namun agak malang, kerana kekukuhan ekonomi yang telah kita capai dalam sekelip mata kita telah pun menghadapi kemerosotan hampir-hampir lebih 30%. Ini adalah satu tamparan yang sangat hebat kepada kerajaan Malaysia dan kita berharap supaya semua pihak sebagaimana yang saya sebut tadi dan ingin saya ulangi supaya semua pihak rakyat di negara kita, yang kita cintai ini mempunyai kesedaran dan juga mempunyai satu perasaan yang sebulat, tekad yang sama untuk kita sama-sama berusaha dan juga bersama-sama dengan kerajaan untuk mengatasi masalah ini. Tidak ada jalan lain bagi kita melainkan bersatu padu dalam menghadapi keadaan yang kita hadapi pada masa ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga mengucapkan tahniah kepada Bank Negara dan Kementerian Kewangan kerana di dalam kita menghadapi serangan spekulasi kewangan, yang dilakukan oleh mereka yang tamak untuk membuat keuntungan. Juga untuk mereka yang ada mempunyai agenda-agenda

tersendiri ini telah pun, dalam kita menghadapi serangan ini sebagaimana saya sebut tadi, walaupun serangan-serangan ini amat hebat, tetapi negara kita sehingga saat ini, kita masih lagi boleh bertahan.

Saya percaya kita dapat bertahan kerana fundamental ekonomi kita adalah kukuh dan dalam masa yang sama kita telah mempunyai dasar-dasar yang boleh kita mempertahankan diri. Amat cuailah kita jika perkara ini tidak kita sebutkan di dalam Dewan ini.

Sekali lagi saya ingin merakamkan ucapan terima kasih, tahniah kepada pihak Bank Negara dan juga pihak Kementerian Kewangan. Kalau kita lihat keadaan di negara sempadan kita iaitu Thailand keadaannya begitu gawat, sehingga Bank Negara di Thailand telah pun ditutup dan rakyat di Thailand hari ini menghadapi tekanan ekonomi yang besar, pekerja-pekerja bank, berpuluh-puluh ribu telah pun kehilangan pekerjaan mereka, malahan mereka yang berada di dalam sektor swasta dan juga sektor-sektor yang lain, menunggu masa dan hari untuk menghadapi masa depan yang agak suram. Walaupun di negara-negara sempadan kita telah pun mendapat sumbangan ataupun pertolongan dari IMF yang kemungkinan dengan pertolongan ini dapat memulihkan ekonomi mereka, tetapi pada dasarnya dan pengalaman yang kita lihat telah berlaku di beberapa buah negeri, dengan pertolongan dari institusi kewangan dunia ini, sebenarnya tidak menjamin untuk kita dapat mencapai hasrat Wawasan 2020.



Saya amat bersetuju dengan Yang Amat Berhormat Dato' Seri Perdana Menteri supaya kita tidak meminjam daripada Tabung IMF, kerana kalau kita lihat sejarah, misalannya di Mexico Tuan Yang di-Pertua, apabila Mexico menghadapi krisis yang sama sebagaimana yang dihadapi oleh negara kita, mereka telah meminta daripada Tabung IMF untuk menyelamatkan kedudukan ataupun keadaan di negara mereka. Memang ekonomi di negara mereka dapat dipulihkan dalam masa yang singkat setahun ataupun dua tahun, tetapi apabila keadaan ekonomi mereka pulih, rakyat mungkin dapat menikmati hidup sebagaimana yang mereka hadapi, tetapi institusi-institusi kewangan yang ada di negara tersebut tidak lagi dimiliki oleh negara berkenaan. Institusi-institusi kewangan ini telah dimiliki oleh mereka atau syarikat-syarikat yang datangnya daripada negara-negara Amerika dan mereka sebenarnya sekali lagi terjajah dengan cara teknologi baru dan dengan cara sistem penjajahan ekonomi baru. Itulah sebabnya Tuan Yang di-Pertua, daripada awal-awal tadi saya menyebutkan supaya seluruh rakyat Malaysia harus bersatu, seluruh rakyat Malaysia harus membulatkan tekad supaya kita bersama-sama dengan Yang Amat Berhormat Dato' Seri Perdana Menteri dan juga seluruh kepimpinan kita supaya kita mempertahankan keadaan ekonomi kita yang ada, walaupun kita tidak lagi dapat menikmati keadaan hidup yang agak selesa, yang tujuh tahun yang lampau telah kita hadapi. Walaupun kemungkinan pendapatan kita tidak lagi semewah yang pernah kita nikmati seperti pada masa tujuh tahun yang

lampau. Inilah masanya untuk kita menunjukkan cinta dan untuk kita menunjukkan kesanggupan kita berkorban untuk negara.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dalam ucapan pembentangan Belanjawannya sering mengingatkan supaya apabila kita menikmati kejayaan dalam masa tujuh tahun, kita menghadapi tanah yang subur, kita harus mempunyai persediaan untuk menghadapi tujuh tahun masa kemarau. Nampaknya apa yang disebutkan itu pada hari ini kita harus membuktikan kesanggupan, kesungguhan, kemampuan atau kekuatan kita sama ada fizikal dan juga kekuatan dalaman dalam kita menghadapi perkara-perkara ini.

Saya amat setuju dengan pandangan dan cadangan daripada rakan-rakan saya, Yang Berhormat Ahli-ahli Dewan Negara yang mana mereka telah pun mengemukakan beberapa pandangan. Saya juga ingin mengemukakan beberapa saranan tambahan di dalam Dewan ini. Sebelum itu saya juga ingin merakamkan ucapan tahniah kepada sektor awam yang telah pun berjaya meningkatkan penjimatan di dalam urusan pentadbiran.

Kita harap sektor awam akan terus mengambil langkah-langkah belanja berhemat ini supaya kewangan negara kita dan dana-dana ini akan dapat kita kumpulkan. Walaupun pada fikiran yang singkat, kita merasakan kita yang berbelanja, tetapi apa hubungannya (connection) dengan negara? Sebenarnya negara itu adalah kita dan kita itu adalah negara. Kalau rakyat Malaysia

mempunyai kekuatan semangat untuk bekerja kuat, meningkatkan produktiviti, kita menjadi rakyat yang berjimat cermat, sudah tentulah dana negara akan meningkat.

Saya melihat negara di sempadan kita sahaja, misalnya Singapura. Saya memang tertanya-tanya sebelum ini pun, kerana apabila saya melawat di Singapura kita tahu penduduk di negara Singapura mempunyai pendapatan per kapita yang jauh lebih tinggi daripada negara Malaysia. Ada beberapa perkara ataupun unsur-unsur yang baik, yang saya rasa perlu kita kaji dan kita lihat, tetapi rakyat di Singapura tidak mempunyai satu sikap membazir. Penampilan mereka agak sederhana jika dibandingkan dengan kita di Malaysia. Kita tidak dapat nafikan bahawa pada tujuh tahun yang lampau, mungkin tiga, empat tahun kebelakangan, kita begitu hebat, begitu mewah. Kita tengok sahaja kereta-kereta yang lalu di lobi Parlimen petang nanti, kita lihat sahaja kereta-kereta yang ada di hotel-hotel. Kita pergi ke hotel-hotel dan kita lihat di mana sahaja, rakyat Malaysia telah pun memperlihatkan penampilan yang kita mempunyai pendapatan yang begitu lumayan. Ini adalah cara pembawakan kita, maknanya kita begitu boros berbelanja, sedangkan rakyat Singapura dalam mereka menikmati pendapatan per kapita yang tinggi, saya melihat mereka begitu sederhana di dalam penampilan mereka.

Dalam menghadapi kemelesetan ataupun serangan spekulasi kewangan ini, kita dapati Singapura tidak terjejas dengan begitu besar, mungkin ada

dasar-dasar, saya tidak dapat nafikan, bahawa ada dasar-dasar di peringkat kerajaan dan juga di peringkat kementerian, tetapi tidak dapat dinafikan juga sikap rakyat saya fikir adalah memberikan sumbangan kepada kekuatan dan kekukuhan ekonomi di negara yang berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyarankan kepada Bank Negara, agar Bank Negara mengadakan seliaan yang lebih ketat kepada institusi-institusi kewangan. Pihak-pihak bank dan badan-badan korporat perlu memberi sokongan kepada kepimpinan negara dalam menghadapi zaman yang mencabar ini.

Sebagaimana yang saya sebutkan tadi, kita telah sama-sama dapat menikmati zaman yang begitu mewah, jadi apabila kita menghadapi kemelesetan dan juga nilai mata wang kita yang menurun pada hari ini, kita berharap semua pihak termasuk bank juga akan sama-sama mengatur strategi dan bertindak secara bijaksana dalam menghadapi keadaan yang kita hadapi pada masa ini.

Bank-bank patut bersyukur kerana dalam keadaan kita menghadapi masalah-masalah serangan kewangan dan nilai kewangan kita yang merosot, tetapi kita masih lagi boleh bertahan. Cuma kita tidak dapat menikmati keuntungan sebagaimana yang kita nikmati pada masa-masa yang lalu. Oleh itu, saya berserulah kepada pihak bank, kepada pihak kementerian supaya dalam menghadapi keadaan meleset ini bank-bank harus tidak meletakkan

faktor keuntungan sebagai satu faktor utama dalam membuat dasar, polisi dan juga dalam tindakan-tindakan mereka, tetapi mereka harus bersama-sama dengan pihak kerajaan supaya kita bertahan, kita berusaha untuk sama-sama kita dapat membina kembali kekukuhan ekonomi di negara kita. Oleh sebab itu saya mintalah kepada pihak-pihak bank janganlah pihak-pihak bank ini mengadakan margin call yang dijadikan keutamaan kerana mereka hendak menentukan supaya keuntungan yang dicapai itu akan dapat dipertahankan ataupun kalau terjejas sedikit sahaja.

Kita berharap bank-bank harus peka dengan apa yang berlaku dan mereka memberikan consideration, dengan izin, kepada mereka yang telah berurus niaga dengan pihak-pihak bank.

Saya juga berharap pada pihak bank, supaya bank juga menggalakkan dan meningkatkan penabungan. Kita tahu tabung negara, kalau saya tidak silap sekarang ini ada RM104.4 bilion, ditambah dengan tabung daripada korporat asing sebanyak RM13.2 bilion. Jadi, kalau dikaji dari segi kekurangan, kita masih lagi mempunyai kekurangan sumber sebanyak RM8.4 bilion. Ini saya minta maafлах sama ada angka saya ini betul ataupun tidak. Tetapi pada umumnya, yang saya hendak sebutkan di sini kita mempunyai dana yang tidak cukup untuk kita hendak menguruskan pembangunan ekonomi negara. Dalam masa yang sama, kita semua begitu boros dalam berbelanja. Ramai rakyat Malaysia yang pergi berbelanja keluar negeri dan ada juga di kalangan rakyat

Malaysia terutamanya mereka yang telah pun dapat menikmati pendapatan yang lumayan daripada dasar-dasar yang dibuat oleh kerajaan dan juga dasar negara menyimpan wang mereka di luar negeri sebagaimana yang disebutkan oleh Yang Berhormat Datuk Haji Ibrahim bin Ali kelmarin. Ini menyebabkan dana dalam negeri kita kekurangan. Oleh sebab itu, saya berpendapat bank-bank bukan membuat margin call, tetapi cuba membuat panggilan tabungan, belum lagi kita melihat ada usaha-usaha yang bersungguh-sungguh dibuat oleh bank dalam usaha-usaha untuk menggalakkan rakyat kita menabung.

Saya kira kesedaran untuk menabung di dalam masalah ekonomi yang kita hadapi hari ini, walaupun ada orang bercakap di sana-sini, tetapi belum lagi dijadikan sebagai isu besar, perjuangan besar seluruh rakyat Malaysia. Oleh sebab itu Tuan Yang di-Pertua, kita berharap ada satu usaha di buat di bawah kelolaan Bank Negara, supaya usaha-usaha penabungan ini dapat kita tingkatkan. Jadi, tabungan ini bukan sahaja melibatkan mereka yang mempunyai wang yang banyak, tetapi mereka yang mempunyai pendapatan yang mungkin sebahagiannya digunakan untuk keperluan-keperluan yang perlu dan yang selebihnya boleh disimpan.

Tuan Yang di-Pertua, kalau kita pergi kenduri, sekarang ini musim kenduri, sebab cuti. Misalannya di kampung-kampung pun kita akan lihat, saya hendak cakap wanitalah, orang lelaki mungkin tidak nampak. Pakaian-pakaian yang dipakai oleh wanita, kalau ditengok bajunya sahaja bernilai

ratusan Ringgit, tidak masuk lagi barang kemasnya, ini menunjukkan bahawa kita sebenarnya bukan susah, tetapi kita tidak meletakkan keutamaan. Jadi saya berpendapat kalaulah boleh panggilan tabungan ini dapat kita atur dan dapat kita susun supaya dana kewangan negara, sumber kewangan dalam negara dapat dipertingkatkan, sedikit sebanyak akan membantu kita dalam usaha-usaha untuk kita meningkatkan ekonomi negara kita. Begitu juga dengan kadar faedah, saya juga berharap supaya pihak-pihak bank tidak menaikkan kadar faedah mengikut rentak, keadaan kekalutan ekonomi ataupun keadaan saham dan juga nilai kewangan yang ada pada masa ini.

Saya menyemak laporan pada suku tahun pertama 1997, kadar faedah adalah 7.34%, tetapi pada bulan Mei 1997 kadar faedah telah pun naik kepada 8.62%. Ini menunjukkan bahawa bank telah pun menaikkan kadar faedah mengikut keadaan semasa. Dalam keadaan biasa, memanglah mana-mana pihak perlu mengatur strategi perniagaan, tetapi kita merayulah pada pihak bank dalam keadaan sekarang ini, yang kita tahu, di mana sahaja ekonomi terjejas, sama ada mereka yang mempunyai saham. Sekarang ini nilai saham telah pun merosot dengan begitu besarnya dan kemungkinan tidak lama lagi kita akan merasakan bahangnya di sektor swasta, di mana pihak-pihak swasta juga menghadapi tekanan-tekanan dari segi kos dan sebagainya. Ia juga akan menghadapi masalah. Jadi kita berharap semua kos yang ditanggung oleh

negara ini dibahagikan sama rata, kita menanggung semua kos yang perlu kita tanggung.

Jadi, janganlah tiap-tiap pihak ataupun tiap-tiap kumpulan-kumpulan yang tertentu cuma melihat apa yang berlaku di dalam institusi mereka sahaja tanpa mengambil kira apa yang berlaku di luar. Ini adalah pandangan saya seperti yang disebutkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri apabila minyak sawit menaikkan harga. Memangnya kalau kita lihat tidak patut minyak sawit menaikkan harga kerana dalam masa yang sama mereka mengeksport dengan menggunakan US Dolar dan mendapat keuntungan yang lebih.

Tuan Yang di-Pertua, naluri manusia kalau boleh itu memangnya hendak membuat untung, tetapi bukan masanya sekarang untuk kita membuat untung. Marilah kita membina ekonomi negara dan selepas itu apabila ekonomi kita dapat berjalan dengan baik, kita semua akan dapat berlumba-lumba untuk mencari keuntungan sebagaimana yang pernah kita rasai tujuh tahun yang lalu. Kita berharap juga supaya BLR bank-bank akan dapat dikawal supaya ia tidak membebankan rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi ialah mengenai jualan terpaksa (force selling), saya pun tidak berapa pandai terjemahannya. Force selling yang dibuat oleh bank-bank di mana program penswastan, pegawai-pegawai kerajaan yang berada di dalam institusi-institusi yang diswastakan telah pun diatitkan pinjaman daripada pihak bank termasuklah TNB dan BERNAS baru-baru ini



serta beberapa badan yang lain. Pada peringkat awalnya memang mereka memikirkan bahawa mereka akan mendapat 'laba' atau untung yang banyak apabila diswastakan, tetapi malangnya bagi mereka apabila penswastaan ini berlaku dalam masa kita menghadapi krisis ekonomi, pegawai-pegawai yang sudah order kereta Mercedes, yang sudah order Pajero dan sebagainya semuanya lepas ke tepi, kerana mereka bukan sahaja tidak mendapat keuntungan, tetapi sekarang ini mereka terpaksa service lagi dan membayar faedah daripada pinjaman-pinjaman untuk mereka melabur dalam saham. Ada juga pihak-pihak yang membeli hartanah dan sebagainya. Ada setengah-setengah bank sekarang ini mengeluarkan surat-surat kepada peminjam-peminjam ini dan menyebutkan bahawa jika pinjaman-pinjaman ini tidak diselesaikan dalam masa-masa yang tertentu, mereka akan membuat 'force selling'. Pada pandangan saya tindakan untuk membuat 'force selling' dalam keadaan sekarang ini, bukanlah satu tindakan yang adil dan bukanlah satu tindakan yang bijaksana. Sebagaimana yang saya sebutkan tadi, kita menghadapi krisis, oleh itu semua pihak harus mempunyai satu perasaan dan juga semua harus mempunyai timbang rasa dan juga apa yang kita lakukan, kita harus memikirkan kesan jangka panjang kepada negara. Walaupun 'force selling' ini melibatkan individu, tetapi ia akan memberi kesan kepada negara dalam jangka masa panjang. Oleh itu, kita berharap supaya pihak-pihak bank dapat mempertimbangkan perkara ini dan dapat mengadakan perundingan yang

sewajarnya, kepada mereka yang sekarang ini boleh dianggap sebagai terperangkap dalam keadaan yang berlaku pada masa ini.

Tuan Yang di-Pertua, dalam kita memperkatakan soal tabungan, pada pandangan saya pihak-pihak yang selama ini boleh dikatakan sektor-sektor yang kita pandang sepi boleh kita beri perhatian. Walaupun dalam sekali imbas pandangan kita, kita melihat bahawa apa yang berlaku ini banyak keburukan dan banyak kesan yang tidak baik, yang kita hadapi, tetapi dalam masa yang sama jika kita berfikir secara positif dan kita mengambil tindakan yang positif, marilah kita gunakan masa ini untuk kita melihat dan mengkaji diri kita dan memperbaiki keadaan dalam negara kita.

Saya amat bersetuju dengan pandangan rakan-rakan saya yang menyebutkan bahawa kita harus menggunakan sumber-sumber tempatan sebaik mungkin. Dalam keadaan sekarang ini, kalau kita dapat mengeluarkan keluaran-keluaran untuk eksport sudah tentu kita dapat membantu keadaan ataupun sedikit-sebanyak dapat membantu memulihkan masalah-masalah yang dihadapi oleh negara kita.

Saya juga ingin mencadangkan supaya koperasi-koperasi diberi galakan, kerana koperasi-koperasi ini juga merupakan satu badan yang mengumpul dana dan dana-dana ini boleh kita gunakan untuk pembangunan negara, kerana selama ini kita lihat bahawa koperasi-koperasi ini begitu suram perjalanannya, pencapaian dan juga sokongan-sokongan yang diberikan.

Begitu juga dengan insurans, kita juga patut menggalakkan supaya rakyat Malaysia boleh menyimpan dan juga boleh meningkatkan simpanan mereka melalui insurans-insurans sama ada insurans untuk diri mereka dan juga insurans-insurans yang lain, kerana kebanyakan insurans ini akan dipulangkan kembali kepada pemegang-pemegang polisi. Dalam masa yang sama kita juga dapat mengumpulkan dana. Yang penting bagi kita ialah mengumpulkan dana dan menggunakan sumber-sumber tempatan di negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin bertanya kepada pihak kementerian. Sebenarnya ini pernah saya suarakan, tetapi saya tidak pernah mendapat jawapan yang konkrit. Kita selalu menyebut bahawa negara kita telah pun diserang oleh penyerang-penyerang ekonomi daripada luar, tetapi penyerang-penyerang ekonomi daripada luar ini, bagaimana dia boleh beroperasi di negara kita tanpa sokongan oleh mana-mana pihak dalam negara, misalnya pengurus-pengurus dana dalam negara.

Saya ingin bertanyalah kepada pihak kementerian di dalam Dewan yang mulia ini, adakah mana-mana pihak di dalam negara kita yang secara sedar ataupun secara tidak sedar terlibat atau terbabit di dalam tindakan-tindakan pihak luar menyerang kita. Kalau ada, kita berharap supaya kerajaan menjalankan kajian sepenuhnya, sama ada pembabitkan mereka ini secara sengaja ataupun pembabitan mereka ini kerana kurangnya rasa patriotik, pembabitan mereka ini meletakkan Ringgit dan juga kekayaan di hadapan mata

mereka sehingga sanggup menggadaikan serta sanggup membiarkan negara mengalami keadaan krisis yang begini hebat.

Kekurangan nilai ekonomi sebanyak 30% adalah merupakan satu kekurangan yang amat besar dan kita dapat melihat bagaimana pemimpin kita Yang Amat Berhormat Dato' Seri Perdana Menteri merasa begitu kecewa dengan usaha-usaha beliau dan juga rakan-rakan dalam Kabinet, kementerian dan sebagainya. Akhirnya dalam masa sekelip mata perkara ini telah pun hilang begitu sahaja. Kalaulah pengurus-pengurus dana yang terbabit dan terlibat ini tidak ada kesedaran, bererti kita kurang mahir di dalam menguruskan dana negara. Oleh itu, Tuan Yang di-Pertua saya ingin mencadangkan kepada pihak kerajaan supaya menubuhkan institusi pengajian tinggi khusus untuk pengurusan ekonomi ini. Saya kira kita belum lagi mempunyai satu institusi pengajian yang begitu komprehensif untuk menghadapi keadaan ini, kerana untuk kita melangkah ke abad 21, ke millennium yang akan datang, kita harus mempunyai persediaan-persediaan yang cukup kuat untuk kita dapat mencapai Wawasan 2020 yang diilhamkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan menjadi sebutan dan juga menjadi impian kepada seluruh rakyat Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, saya kira setakat itulah pandangan yang dapat saya kemukakan dan saya sekali lagi menyokong Rang Undang-undang Bank Negara Malaysia (Pindaan) 1997. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ya, Yang Berhormat Dato' Abdul Aziz.

**4.24 ptg.**

**Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman:** Tuan Yang di-Pertua, saya juga berdiri pada petang ini bagi menyokong Suatu Akta untuk meminda Akta Bank Negara Malaysia 1958.

Sungguhpun apa yang dibentangkan pada hari ini hanya untuk hendak menokok kuasa Akta Bank Negara Malaysia 1958, dari segi pengurusan ataupun perniagaan pengurusan wang. Walau bagaimanapun kerana Akta Bank Negara Malaysia itu mempunyai satu kekuatan bagi menentukan dasar-dasar monetary negara dan dalam keadaan senario ekonomi yang ditempohi oleh Malaysia sekarang ini, juga rantau Asia, maka amatlah tepat bagi kita meninjau sejauh mana peranan Bank Negara Malaysia terhadap menentukan keutuhan dan kekuatan ekonomi kita sejajar dengan apa yang diutarakan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Malaysia iaitu Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh dari segi latar belakang dan peranan Bank Negara Malaysia terutama sekali apabila Malaysia dilanda oleh spekulator seperti George Soros di mana beliau telah pun berjaya sejak tahun 1992 lagi menjunamkan pound dan membuat keuntungan sebanyak £1 bilion apabila Pound terkeluar daripada pertukaran wang ataupun European Exchange Monetary System, dengan izin dan selepas itu Peso di Mexico, di

mana Amerika Syarikat berkejar membantu Mexico dengan memberikan perbelanjaan sebanyak US\$50 bilion dan kini pada bulan Julai, Thailand dilanda spekulator George Soros dan kumpulannya, selepas itu kita menerima akibat teori domino. Kalau dahulu di Vietnam teori domino tidak berjaya dari segi politik, tetapi kali ini spekulator dunia berjaya menentukan bahawa teori domino dapat menjatuhkan nilai mata wang Baht sehinggakan kita Ringgit Malaysia pun jatuh, Baht di Thailand, Rupiah di Indonesia dan kini menggugat pula negara-negara yang dahulunya maju dan berkembang seperti Korea, Taiwan, Hong Kong dan sebagainya. Jadi jelas sekali tangan ajaib (the invisible hand), dengan izin, yang dicetuskan oleh Adam Smith pada zaman-zaman klasik ekonomi dahulu, kini menunjukkan jejarinya sebagai tangan ajaib yang lebih besar dan lebih global. Dari segi spekulator-spekulator dunia yang boleh menggunakan tahap kewangan atau dana kewangannya dan kita difahamkan kalau sekiranya seorang yang seperti George Soros mempunyai RM20 bilion, ia boleh membuat hedging 20 kali ganda atau RM400 bilion bagi tujuan perdagangan mata wang antarabangsa.

Kita difahamkan setakat ini sekurang-kurangnya US1 trillion setiap hari dari segi perdagangan mata wang diusahakan. Semuanya ini dijalankan tanpa mempunyai syarat-syarat dan peraturan seperti perdagangan-perdagangan, perkhidmatan dan juga barang-barang yang lain, di mana badan perdagangan dunia seperti WTO setelah mengambil alih daripada GATT mempunyai

peraturan-peraturan tersendiri dari segi perdagangannya. Apabila sampai kepada perdagangan mata wang, kita dapati orang-orang yang mula-mula sekali mengutarakan perlunya mewujudkan peraturan-peraturan ialah tidak lain dan tidak bukan ialah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita. Pada waktu itu tidak banyak yang hendak berkawan dengan kita, kerana mereka takut dan bimbang. Apakah akibat dengan pengutaraan idea yang begitu penuh dengan reformasi, revolusi akan dapat akibat daripada negara-negara besar seperti Amerika dan sebagainya dari segi perdagangan, tidak ramai yang membantu kita. Yang hanya menyuarakan sedikit-sebanyak ialah premier daripada China dan juga sahabat-sahabat kita yang tertentu yang mengatakan bahawa perlunya mewujudkan satu peraturan di mana perdagangan mata wang ini, yang kini berjalan dengan begitu giat dan begitu tinggi, lebih tinggi dan lebih besar daripada perdagangan biasa, memerlukan satu cara pengawasan.

Kini idea yang dahulunya begitu revolusional mendapat sokongan daripada semua pihak boleh dikatakan, termasuk George Soros itu sendiri, kerana dalam satu temuramah George Soros sebagai ketua Quantum Hedge Fund, pada 1 November 1997 apabila negara mengalami kerugian sebanyak RM2 bilion, dia pernah mengatakan kepada BBC, UK, mohon izin, “The market needs to be kept under some sort of a control ideally and the national authority dealing with supervision.”

George Soros sendiri sekarang ini mengakui bahawa idea dan notion yang dikeluarkan dan diutarakan oleh Perdana Menteri kita memangnya tepat dan benar, kerana dia sendiri rugi RM2 bilion. Manusia seperti George Soros ini, untuk makluman Dewan yang mulia ini, adalah seorang yang pada waktu dahulunya bebas berdagang dari segi mata wang ini bukan daripada UK, bukan daripada Amerika Syarikat. Tetapi di sebuah pulau Netherlands Atitilas, di mana ianya seperti juga Labuan, iaitu pesisiran luar, offshore, di mana jejari undang-undang tidak sampai, dia boleh buat apa sahaja dia suka. Di sinilah tabung kuantumnya yang berjumlah RM20 bilion diurusniagakan untuk menghentam satu demi satu negara.

Kalau kita tengok dari segi fundamentalnya negara-negara di rantau ini memang kukuh sehinggakan Bank Dunia sendiri mengakui apakah ajaibnya rantau ini dengan perkembangan ekonomi yang tumbuh sejak 10 tahun dahulu antara lebih kurang 7% ke 8%, China sampai 10%. Apakah ini merupakan satu pertembungan antara nilai, nilai Asia dengan nilai Eropah. Pernah saya utarakan di dalam Dewan yang mulia ini berkemungkinan besar pertembungan tamadun antara negara-negara Barat, nilai budaya Barat dengan nilai budaya Asia dan nilai budaya Islam mungkin ianya mengakibatkan runtuhnya keadaan ekonomi kita sekarang. Bukan sebagai satu konspirasi, tetapi ianya merupakan satu notion, satu idea. Paul Crookman, dalam sebuah bukunya ada menyebut



berkemungkinan ini berlaku kerana ada percanggahan dari segi nilai budaya, Asia cara kita yang berbeza dengan cara-cara negara-negara Barat.

Tetapi berbalik kepada spekulator-spekulator ini memang tidak ada kuasa dalam tangan negara-negara yang kecil-kecil seperti Malaysia, bahkan Amerika sendiri tidak berjaya untuk mengatasi kegiatan-kegiatan yang dijalankan oleh spekulator mata wang dunia ini. Kita merupakan sebagai sebuah bangsa negara (a nation state) yang kini tidak ada lagi sempadan, yang sekarang ini semuanya borderless, tidak ada sempadan lagi, dan mata wang merupakan satu produk, bukan lagi satu produk tempatan, tetapi ianya merupakan satu produk antarabangsa. Kita hairan kenapa dunia sekarang ini hanya mengiktiraf Dolar sebagai satu currency, satu mata wang yang terminal. Sehingga pada suatu ketika saya berkesempatan ke Egypt, ke Mesir baru-baru ini, mereka di sana pun memerlukan mata wang Dolar Amerika lebih daripada mata wang mereka sendiri. Pergi ke Amman pun begitu juga, bila sampai ke Amman dia tanya kalau ada mata wang Amerika kami lebih memerlukan mata wang Amerika daripada mata wangnya sendiri. Di Turkey pun begitu, seolah-olah semua negara ini apabila datang orang asing mereka lebih mementingkan untuk kita menggunakan wang Amerika. Ini menghairankan kita kerana seolah-olah mereka tidak mempunyai kepercayaan kepada mata wang mereka sendiri.

Soalnya sekarang apakah sebabnya Dolar Amerika begitu dominan. Saya yakin dan percaya sesungguhnya sekarang ini Amerika terasa bahawasanya peranan dominan Amerika menerusi Dolarnya yang kini mungkin terjejas. Kalau 50 tahun dahulu mereka mengambil alih daripada Pound Sterling, kalau Ahli-ahli Yang Berhormat ingat, di mana pada waktu itu Ringgit kita lebih kurang RM8.00 (RM8.00 = 1 Pound). Apabila empire Britain jatuh selepas Perang Dunia Kedua, dengan Marshal Plan di Eropah, dengan bantuan-bantuan tertentu kepada Jepun dan sebagainya Amerika mula menjadi dominan, dan pada waktu itulah Dolar Amerika sejak 50 tahun kini mendadak sebagai mata wang dunia utama.

Soalnya, adakah perlu bagi negara-negara yang telah merdeka begitu lama untuk menjadikan Dolar Amerika sebagai mata wang dominan ini. Ini kita dapati wujud Kesatuan Eropah. Bila Kesatuan Eropah muncul dan mungkin akan mewujudkan 'Euro'nya sendiri, mata wang Eropah. Di Asia apabila membanggunya negara-negara Asia berkemungkinan besar Yen akan merupakan salah satu cabaran kepada mata wang dunia, iaitu Dolar. Jadi, jelas dan nyata apabila dari segi politik bi-polar pecah, dengan pecahnya komunis, Amerika muncul sebagai satu empire baru tetapi ianya sekarang dicabar. Dolarnya dicabar oleh Euro yang berkemungkinan apabila menjadi satu realiti tidak lama lagi, dan di Asia dengan kekuatan Aisa sendiri, ASEAN bercampur dengan East-Asia, mohon izin, Asia Timur, iaitu Jepun, Korea, Taiwan, Hong

Kong dan juga China merupakan satu kekuatan gagasan yang boleh mencabar kekuatan Amerika. Atas ketakutan dan kebimbangan itulah kemungkinannya kita kini mungkin dijajah, mungkin diserang, mungkin ditentang sebagai satu kekuatan negara-negara yang tidak senang dengan kita, negara-negara Barat. Juga dengan spekulator mata wang seperti yang saya sebutkan tadi, mereka cuba mencari jalan bagaimana untuk meruntuhkan kedudukan ekonomi rantau ini supaya mata wang Dolar terus menjadi dominan di dalam perjuangan ekonomi dunia.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, kita mengharapkanlah Bank Negara Malaysia bekerjasama menerusi forum-forum yang dibuat sekarang ini kita dapati banyak sokongan yang telah pun wujud antara negara-negara ASEAN, antara Central Bank di rantau ini. Juga kementerian-kementerian kewangan negara-negara ASEAN yang dibantu pula oleh Jepun misalnya, China yang enam buah lagi yang mungkin dibantu oleh Eropah dan pandangan dana antarabangsa, iaitu Bank Dunia, kita mengharapkan sistem baru akan wujud bagi mengawal spekulator-spekulator antarabangsa ini, kerana kita bimbang tangan ajaib (invisible hand) spekulator mata wang dunia akan dapat dikawal.

Di sini juga saya ingin menyeru pihak kerajaan berwaspada dengan persisiran luar seperti Labuan. Kita takut ada jejaring kuasa Bank Negara kita boleh mengatasi apa yang mungkin berlaku di Labuan di mana syarikat-syarikat antarabangsa akan membuka pejabat masing-masing bagi mendagangkan mata

wang Ringgit kita di peringkat antarabangsa tanpa mendapat peraturan-peraturan, ataupun dikenakan peraturan-peraturan kepada bank-bank dan juga institusi-institusi kewangan di dalam negara kita, mohon izin, *vis-a-vis* di persisiran luar seperti Labuan.

Jadi, kita ingin tahu dari pihak kerajaan bukan sahaja persisiran luar Labuan, tetapi persisiran-persisiran luar seperti yang saya sebutkan tadi, Cayman Island, British Virgin Island dan pulau-pulau hantu yang disebutkan oleh media-media tertentu, kita terpaksa menggunakan kuasa antarabangsa seperti wujud di WTO ataupun badan perdagangan antarabangsa kalau sekiranya dana kewangan antarabangsa seperti IMF tidak berjaya menjalankan usaha ini.

Tuan Yang di-Pertua, kita juga memerlukan Bank Negara lebih proaktif. Kalau dahulu kita hendak tahu apabila Dewan yang mulia ini diberitahu pada satu ketika Bank Negara kita rugi dari segi perdagangan mata wang (*foreign exchange lost*), kita dengar berbilion-bilion juga. Waktu itu kita aktif mendagangkan dari segi mungkin Dolar Amerika pun saya tidak begitu faham, mungkin pihak kerajaan boleh menceritakan pada satu ketika bila kita rugi berbilion-bilion apakah sebabnya, adakah ianya berkaitan dengan kita berlawan dengan orang macam George Soros dan sebagainya. Kini mata wang kita dilanda oleh satu wabak daripada spekulator-spekulator tadi dan kita pun sudah teruk.

Jadi, adakah mekanisme yang wujud di kalangan sistem yang ada sekarang ini, Bank Negara kita di mana ianya mempunyai networking atau jejaring untuk mencetuskan maklumat yang terkini dan terbaru tentang kedudukan mata wang kita apa yang telah dibuat oleh mereka yang terlibat di dalam perdagangan mata wang. On the spot, immediate, mohon izin supaya dalam keadaan sekarang kita terpaksa mendapat maklumat terkini daripada sistem - kalau kita belum ada lagi sistem semacam itu, terpaksa kita wujudkan kerana mata wang kita dan mata wang kini menjadi matlamat pasaran oleh spekulator-spekulator antarabangsa.

Di dalam hal ini juga kita hendak berterima kasih kepada pihak kerajaan kita kerana sungguhpun kita dilanda oleh kedudukan ekonomi yang merudum, kegawatan ekonomi, tetapi kita sempat mengusahakan dasar kita yang hendak menyenangkan ekonomi negara-negara jiran. Saya rasa sumbangan kita RM1 bilion ke Thailand, RM1 bilion ke Indonesia merupakan satu usaha yang baik. Kerana kita mahukan perdagangan serantau ini, keyakinan pelabur-pelabur dunia kepada rantau kawasan kita ini tidak terus terhakis. Kita mahu bukan sahaja Malaysia teguh dari segi ekonomi, tetapi kita mahu ASEAN seluruhnya teguh. Kita mahu Indonesia, sahabat kita, Singapura, Thailand, Filipina dan juga sembilan anggota ASEAN dan negara-negara di rantau Asia Timur teguh dan kuat, bantu-membantu kerana sesungguhnya perdagangan antara kita sesama kita sudah meningkat dari segi Yen, dari segi China, perdagangan

antara mereka dengan negara-negara ASEAN sudah meningkat sehinggakan pelaburan secara direct, foreign direct investment, mohon izin, antara negara-negara ASEAN, antara negara-negara Asia Timur selain daripada meningkat lebih tinggi daripada pelaburan yang dibuat oleh Amerika, yang dibuat oleh negara-negara Barat ke rantau kawasan kita ini. Ini menunjukkan sungguhpun kita merupakan satu perdagangan yang sejagat, yang universal, yang global tetapi kekuatan rantau kita lebih penting sekarang ini kalau dibandingkan di zaman dahulu. Bahkan idea Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Mahathir mewujudkan EAEC (East Asia Economic Council) mohon izin, yang lebih penting daripada APEC, kerana apa yang saya sebutkan begitu idea ini merupakan idea revolusioner kerana kita dapat mengikut satu kajian dari segi perdagangan dunia, NAFTA di mana Amerika Syarikat menubuhkan satu kerjasama antara Kanada, Mexico dari segi perdagangan dunia ketiga-tiga negara ini hanya berjumlah 18.7% daripada seluruh perdagangan dunia.

Apabila ia memasukkan negara-negara di Amerika Selatan (MERCOSUR), ianya hanya meningkat kepada 20.2% di mana kita dapati NAFTA 18.7% dan MERCOSUR, iaitu Argentina, Brazil, Paraguay, Uruguay 1.5% dan ini kalau dibandingkan dengan EAEC, iaitu negara-negara seperti ASEAN, Hong Kong, China, Jepun, South Korea dan juga Taiwan, perdagangan kita sebagai peratusan perdagangan dunia lebih tinggi daripada apa yang didagangkan oleh NAFTA dan MERCOSUR, Amerika Syarikat,

Kanada dan Mexico serta empat buah negara yang melingkungi MERCOSUR di Amerika Selatan, kerana jumlah kita 24.8%.

Kalau kita bandingkan pula dengan Kesatuan Eropah ianya 37.3%. jadi, jelas dan nyata Amerika lebih memerlukan APEC daripada kita, kerana kita amat senang dengan EAEC. Cetusan idea yang dibuat oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri itu merupakan satu gagasan pemikiran yang boleh menguatkan lagi ASEAN dengan Asia Timur kerana perdagangan kita jelas menunjukkan yang kita ini sudah mencapai lebih tinggi perdagangan daripada apa yang dilakukan oleh negara-negara di Amerika Selatan dan juga Amerika Syarikat serta Kanada dan Mexico.

Tuan Yang di-Pertua, angka-angka ini yang dipetik oleh Fred Furgueston, Director Institute for International Economic jelas menunjukkan bahawa 1996 lagi perdagangan kita di peringkat antarabangsa telah pun menunjukkan kemungkinan kuasa ekonomi negara-negara Asia Timur dan ASEAN merupakan satu cabaran kepada perdagangan antarabangsa, dan kemungkinan negara-negara yang dahulunya merupakan negara-negara maju, negara-negara yang dominan, negara-negara yang pernah menjadi penjajah sekarang ini terpaksa memikirkan bukan lagi bi-polar tetapi negara yang mempunyai kuasa tri-polar, tiga polar, Eropah dengan Kesatuan Eropahnya, Amerika Syarikat. Kalau ianya Amerika Syarikat, saya hendak panggil di sini 'Asia syarikat' iaitu negara-negara ASEAN yang kini menunjukkan kekuatan.

Jadi, kemungkinan inilah yang menyebabkan, this is a time, mohon izin, inilah masanya bagi mereka hendak menghentam negara-negara kita, kekuatan ekonomi kita sehinggakan kita sekarang tercunggap-cunggap. Apabila kita tercunggap-cunggap, kita ASEAN dan Jepun, Jepun sendiri mengatakan kita perlu mewujudkan dana kewangan kita sendiri. Jepun pada satu ketika hendak menggunakan RM50 bilion sebagai salah satu anggota di Asia ini untuk membantu negara-negara di Asia. Seperti juga Amerika Syarikat menghulurkan RM50 bilion kepada Mexico, pada waktu itu dana kewangan antarabangsa IMF tidak setuju. Dia mengatakan kalau sekiranya Jepun mewujudkan dana kewangan untuk membantu kedudukan ekonomi di rantau ini berkemungkinan syarat-syarat yang ditentukan oleh dana kewangan antarabangsa akan terjejas.

Sebenarnya kita tidak mahu dijajah. Kita tidak mahu syarat-syarat ditetapkan oleh Dana Kewangan Antarabangsa (IMF) seperti yang ditetapkannya sekarang ini kepada Thailand dan Indonesia dan juga Filipina dan mungkin sekarang ini sedang berbincang dengan Korea, kita tidak mahu syarat-syarat yang merupakan sistem neocolonialisme yang baru bagi menjadikan kita sebagai negara-negara yang kembali dijajah secara baru menerusi ekonomi. Sebab itulah Perdana Menteri kita setakat ini, dan kita berdoa semoga pendirian kita ini terus direstui oleh Allah S.W.T., kita tidak akan memohon bantuan daripada Dana Kewangan Antarabangsa, kerana kita bimbang kalau kita merujuk kepada mereka, syarat-syarat akan ditentukan oleh



mereka bagi mengongkong dari segi pembangunan ekonomi kita sendiri. Ianya akan mengikat tangan kita dari segi bergerak, mengikat kaki kita dari bergerak. Sesungguhnya ianya akan memecahkan kemerdekaan dan kedaulatan negara kita. Kita bersyukur juga perjumpaan ASEAN sekarang ini dengan enam buah negara yang lain IMF dan juga World Bank nampaknya jelas amat bersetuju dengan pendirian kita. ASEAN akan mempunyai dananya sendiri bagi membantu negara-negara ASEAN yang kini memerlukan bantuan tanpa merujuk kepada negara-negara luar kerana kita amat yakin bahawasanya negara-negara ASEAN perlu kembali kepada tahap pembangunan yang sebelum Julai dahulu, merupakan pembangunan yang amat baik.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga memohon kepada Bank Negara mempunyai pendekatan yang proaktif. Kalau sekiranya dari segi tradisionalnya apabila saham-saham menjunam, tindakan yang paling mudah diambil oleh Bank Negara ialah memberitahu kepada bank untuk buat call margine. Saya yakin kalau ini diteruskan tanpa, mohon izin, moral suasion ataupun tindakan secara mudah, secara perlahan-lahan berbisik-bisik antara Bank Negara dengan bank-bank lain, saya bimbang bank-bank ini akan menentukan keuntungan mereka, mementingkan keuntungan mereka, keuntungan sendiri lebih daripada keuntungan kepada negara. Mereka lebih memerhatikan keuntungan jangka pendek dari segi mikro dan tidak memikirkan keuntungan jangka panjang dari segi negara keseluruhannya. Inilah kalau boleh Bank Negara menerusi

Gabenornya, Ahli-ahli Lembaganya saya rasa elok bertemu dengan bank-bank secara bisik-bisik, tidak payah buat statement besar-besar seperti yang pernah mereka buat dan pernah saya tegur di Dewan yang mulia ini, tidak perlu Bank Negara seketika membuat pengumuman sewaktu saham-saham begini-begini mengatakan terlalu banyak wang ringgit dikeluarkan dalam sektor hartanah dan sebagainya. Sebagai pengumuman tidak perlu, kerana kita mempunyai statistik-statistik tertentu di mana bank-bank yang tersilap langkah, yang mengeluarkan begitu banyak dari segi pinjaman kepada sektor-sektor tertentu, panggil sahaja bank, bisik elok-elok, kerana dua, tiga, empat sahaja mungkin, yang lain tidak terjejas.

Apabila kita buat pengumuman secara besar-besaran, headline, ia menghakis keyakinan, orang menjadi panic dan terus menjual saham masing-masing kerana bimbang satu kenyataan telah dibuat oleh Bank Negara. Saya difahamkan pada waktu itu Kementerian Kewangan telah pun berbincang dan akan menentukan kenyataan-kenyataan yang sensitif seperti ini tidak akan lagi dibuat oleh Bank Negara, tidak akan lagi dibuat oleh Securities Commission (Suruhanjaya Sekuriti) dan mana-mana badan, tetapi kita letakkan di tangan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri kita dan juga Menteri Kewangan ataupun Perdana Menteri, ini caranya supaya tidak banyak sangat kenyataan-kenyataan yang boleh menghuru-harakan keadaan ataupun menghakis keyakinan pelabur-pelabur bukan sahaja di Malaysia tetapi pelabur-

pelabur antarabangsa. Jadi, ini perlu kerana statement kenyataan Bank Negara ini kalau dibuat sahaja tanpa mengira implikasinya ianya amat merbahaya. Alan Greensman, Pengerusi Reserve Bank di Amerika, mengatakan satu-satu statement yang dibuat itu dihalusi oleh seluruh dunia adakah ia mengakibatkan dari segi saham, dari segi ekonomi negara dan sebagainya.

Begitu juga dengan Bank Negara kita, Gabenor Bank Negara kita terpaksa berhati-hati, dan juga Pengerusi Suruhanjaya Bursa Saham Kuala Lumpur dan juga Pengerusi Securities Commission mesti berhati-hati dalam statement mereka, kerana ianya boleh dianalisa dan boleh memberikan implikasi yang menjejaskan kedudukan dan keyakinan pelabur-pelabur.

Tuan Yang di-Pertua, kita mengharapkanlah Bank Negara dapat bekerjasama dengan bank-bank di rantau ini, di ASEAN dan juga di negara-negara lain, menguatkan lagi dari segi maklumat terkini mereka supaya dapat mencetuskan tindakan yang cepat terutama sekali dari segi mereka yang menyerang mata wang kita. Kalau ini dapat diwujudkan saya yakin dan percaya dengan kepimpinan Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Mahathir dengan Kabinet yang kuatnya dan sokongan daripada Bank Negara yang memainkan peranan utama dalam menjalankan dasar monetary negara ini dan juga sokongan setiap lapisan masyarakat, saya yakin dan percaya kegawatan ekonomi, kehakisan kepercayaan kepada rantau akan dapat dikembalikan semula. Marilah kita sama-sama berdoa dan terus berdoa semoga Allah S.W.T.

merestui kepimpinan Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Mahathir. Saya sekali lagi menyokong Akta Bank Negara Malaysia (Pindaan) 1998. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Sila Yang Berhormat Tuan Jinuin bin Jimin.

**4.55 ptg.**

**Tuan Jinuin bin Jimin:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Banyak Ahli Yang Berhormat sudah bercakap dan saya amat setuju apa yang dikatakan. Dengan itu, saya hanya ingin bahas beberapa perkara sahaja. Sebenarnya pulihnya atau tidak ekonomi kita bergantung kepada keyakinan seluruh rakyat negara kita. Bererti walau bagaimanapun ataupun apa sahaja tindakan-tindakan oleh kerajaan kalau rakyat termasuklah bank-bank tidak yakin kepada keadaan ekonomi kita, tidak yakin bahawa ekonomi kita akan pulih, maka tindakan-tindakan itu akan sia-sia sahaja.

Sebenarnya apa yang dikatakan tadi oleh rakan kita itu bahawa Bank Negara memang adalah satu lambang kekuatan negara. Jadi, perlulah sifat-sifat Bank Negara itu bersifat secara positif. Ia mestilah melambangkan dan menunjukkan bahawa negara kita ini masih kukuh dan masih boleh bertahan dan akan pulih. Kerana rakyat biasa akan melihat seperti Bank Negara dan bank-bank lain juga. Jadi, kalaulah Bank Negara dan bank-bank sudah mula panik, sudah mula membuat tindakan seperti membuat call margine, sudah

tentu perkara-perkara ini akan tersebar dan merebak dan sudah tentu perkara ini lebih-lebih lagi tidak meyakinkan rakyat dan seterusnya melemahkan ekonomi kita.

Dengan itu, Bank Negara ataupun mungkin bank-bank lain juga perlulah berhati-hati dengan penerangan-penerangan mereka kepada rakyat biasa. Misalnya saya ingin beri contoh, baru-baru ini saya pergi ke satu bank untuk memohon loan ataupun pinjaman untuk beli kereta. Kalau kita sebagai Ahli Dewan Negara, loan hanya RM43,000. Jadi, tidak boleh beli kereta baru. Kita hanya mahu beli second hand. Apabila saya sampai di sana bank mengatakan bahawa kalau kereta second hand semua sekali ditutup. Tidak ada lagi boleh buat pinjaman untuk kereta second hand, pinjaman hanya untuk kereta baru. Saya pun terkejut mengapa pula perkara ini boleh berlaku, sedangkan kita mengesyorkan kepada rakyat untuk membeli kereta-kereta yang termampu.

Jadi, saya hairan mengapa arahan-arahan ini boleh jadi begini ataupun mungkin pegawai-pegawai bank itu tidak tahu keadaan semasa. Yang lebih tidak baik lagi, pegawai itu tidak menjelaskan apa sebab, tetapi ini adalah arahan Bank Negara. Jadi, untung jugalah saya sebagai Ahli Dewan Negara saya faham, saya diam sahaja. Cuba kalau rakyat biasa kalau mendengar kata-kata sedemikian 'ini adalah arahan Bank Negara'. Sudah tentu bila mereka balik di mana-mana sahaja mereka bekerja mereka akan menyebarkan 'wah

sekarang tidak boleh lagi loan, kereta begini barangkali ekonomi sudah teruk.’  
Perbuatan demikian lebih lagi melemahkan ekonomi kita.

Satu lagi saya ingin menyentuh di sini ialah mengenai gambaran sebenarnya keadaan ekonomi kita. Banyak yang mengatakan keadaan ekonomi kita runtuh, kita sekarang sudah jadi miskin. Banyak rakyat biasa termasuklah mungkin sebahagian besar yang ada di sini tidak faham apakah sebenarnya. Jadi, perlulah mungkin bank-bank ataupun agensi-agensi yang berkenaan untuk memberi penerangan sebenarnya apakah sudah terjadi kepada ekonomi kita, apakah Ringgit kita turun apa ertinya. Ada yang mengatakan devalue, adalah yang mengatakan depreciate. Sebenarnya devaluation dengan depreciation tidak sama, dengan izin. Devaluation adalah tindakan kerajaan dengan sengaja, depreciate ialah seperti keadaan sekarang ini. Yang saya tahu kerajaan belum ada membuat tindakan untuk men’devalue’, dengan izin, Ringgit kita.

Jadi, perkara-perkara ini kita sendiri pun tidak tahu sebenarnya mana satu yang betul kita pakai. Jadi, apabila kita menerangkan kepada rakyat biasa, kita sendiri bingung, macam mana rakyat biasa boleh faham apa yang cadangkan. Dengan itu, saya mengesyorkan di sini supaya keadaan sebenarnya ekonomi, apa ertinya Ringgit sudah turun, apa implikasinya kepada kita dan juga rakyat biasa perlu diterangkan dengan sejelas-jelasnya. Ada yang mengatakan ‘wah kalau begini kita sudah jadi miskin.’ Bila rakyat biasa mengatakan ‘saya juga tidak jadi miskin, saya masih ada rumah, masih ada

tanah.’ Apa ertinya. Jadi, mereka ini bingung, ada yang panik, ada yang bertindak lebih melemahkan lagi ekonomi kita.

Jadi, dengan banyak saya mendengar apa yang diujahkan oleh rakan-rakan kita semua dan tidak perlulah saya mengulangkan apa yang telah kita dengar. Maka dengan kata-kata ini saya juga menyokong Rang Undang-undang Bank Negara Malaysia (Pindaan) 1998. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Sila jawab, Yang Berhormat.

**5.02 ptg.**

**Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Wong See Wah]:** Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan banyak terima kasih kepada lapan Ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan rang undang-undang ini, dan saya ucapkan banyak terima kasih atas sokongan dan pandangan terhadap Bank Negara dan juga terhadap Kementerian Kewangan. Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan ini ialah Yang Berhormat Senator Puan Kamalia binti Ibrahim, Yang Berhormat Senator Ding Seling, Yang Berhormat Senator Puan Jamilah binti Ibrahim, Yang Berhormat Senator Datuk Haji Abdul Majid bin Haji Baba, Yang Berhormat Senator Puan Hajah Hunaizah binti Mohd. Noor, Yang Berhormat Senator Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin, Yang Berhormat Senator Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman dan Yang Berhormat Senator Tuan Junuin bin Jimin.

Tuan Yang di-Pertua, berikutan penurunan nilai Ringgit langkah-langkah telah diperkenalkan dalam Belanjawan tahunan 1998 untuk memperkukuhkan asas ekonomi dan mengembalikan keyakinan pelabur. Langkah-langkah ini bertujuan terutamanya untuk mewujudkan kestabilan makro. Ianya termasuk mengurangkan pertumbuhan bekalan wang yang tinggi, memperkukuhkan sistem perbankan, mengecilkan akaun semasa imbalan pembayaran, mengendalikan polisi fiskal dengan baik dan memperbaiki kedudukan daya saing negara.

Tujuan asas operasi fiskal adalah untuk mencapai lebih Belanjawan melalui kawalan berterusan ke atas penggunaan, usaha-usaha untuk menubuhkan saiz yang optimum bagi sektor awam dan kecekapan yang lebih tinggi dalam perkhidmatan awam. Beberapa cadangan cukai dan bukan cukai telah dicadangkan untuk mencapai tujuan tersebut. Antaranya yang pertama ialah memperkukuhkan daya persaingan antarabangsa dan imbalan pembayaran dalam akaun semasa, antaranya ialah telah dicadangkan supaya cukai pendapatan korporat diturunkan untuk menjadi 28% sahaja dan ini merupakan antara negara-negara di Asia adalah yang paling tinggi sekali kecuali daripada Singapura, kerana kalau berbanding dengan Filipina 35% hingga 33%, Indonesia 33%, Thailand 30%. Juga meningkatkan duti import ke atas bahan-bahan binaan dan bahan-bahan lama dan juga jentera-jentera berat dan mewah. Yang kedua, ialah meningkatkan produktiviti dan langkah yang



telah disediakan ialah menubuhkan dana industri kecil dan sederhana yang bernilai RM1 bilion. Diharapkan dengan adanya dana ini dapatlah diadakan aktiviti-aktiviti untuk mempergiatkan lagi dan mempertingkatkan lagi usaha industri kecil dan sederhana.

Yang ketiga, memperkukuhkan kedudukan sistem perbankan. Antara usaha-usaha yang sedia ada sekarang, iaitu dengan adanya statutory reserve ratio yang sedia ada, Bank Negara Malaysia telah juga mengklasifikasikan semula pinjaman tidak berbayar sebagai bayaran tertunggak daripada enam bulan, tiga bulan dan juga meningkatkan keperluan minimum bagi peruntukan am daripada 1% kepada 1.5% daripada jumlah pinjaman terkumpul dan juga memperkenalkan pelan kredit bagi memastikan pertumbuhan kredit dikurangkan daripada 29% kepada 25% hujung tahun ini dan 20% kepada awal tahun hadapan dan kepada 15% pada akhir tahun 1998. Juga telah dicadangkan supaya kadar pinjaman untuk bayaran ansuran kadar pinjaman diturunkan daripada 75% kepada 70%.

Tuan Yang di-Pertua, ini adalah merupakan antara langkah-langkah yang telah disediakan untuk menghadapi masalah-masalah kewangan yang kita hadapi sekarang. Tetapi pihak kerajaan juga menyeru kepada pihak rakyat supaya dapat mereka menyumbang bersama-sama supaya kita dapat mengembalikan semula kestabilan ekonomi dan antara langkah-langkah yang spesifik yang mungkin dapat disumbangkan oleh pihak rakyat ialah yang

pertama sekiranya mereka dapat mengurangkan pendedahan mata wang asing dan juga mengurangkan perbelanjaan di luar negeri dan menggantikan barangan yang diimport dengan barang buatan tempatan dan termasuk juga jangan menaikkan sesuka hati harga makanan yang boleh dikeluarkan dalam negeri.

Dengan adanya langkah-langkah seperti ini termasuk langkah-langkah yang tidak sempat saya sebut, kerajaan berharap dapat mencapai matlamat seperti berikut. Yang pertama, dapat mengawal inflasi di bawah 4%; yang kedua, mengawal defisit akaun semasa sebanyak 5% daripada KNK berakhir tahun 1997; dan juga 4% pada akhir tahun 1998. Kita juga berharap dapat mengawal hutang berjangka pertengahan dan panjang pada kadar kurang daripada 30% daripada KNK.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai Bank Negara Malaysia perlu menyediakan sistem amaran awal bagi menangkis krisis ekonomi seperti yang melanda sekarang ini. Sukacita saya maklumkan kepada Dewan yang mulia ini iaitu buat masa sekarang sehingga Malaysia menggunakan penunjuk ekonomi dan kewangan yang komprehensif bertujuan untuk mengawal selia dan mengawasi dengan lebih teliti terhadap sistem ekonomi dan sektor perbankan. Bank Negara Malaysia juga secara berterusan membangun dan memperbaiki sistem maklumat bagi membolehkan ianya berada di tahap yang lebih tinggi dan juga bagi mengambil langkah yang perlu dan sesuai. Bagi mencerminkan

maklumat dan tata yang komprehensif dan terkini, Malaysia adalah salah satu daripada negara yang pertama untuk melanggan kepada Special Data Examination Standard, (SDES) yang ditubuhkan oleh International Monetary Fund, dengan izin. Pada asasnya SDES adalah untuk membantu negara-negara untuk menyampaikan kepada pihak awam statistik-statistik ekonomi dan kewangan yang komprehensif, terkini, mudah didapati dan boleh dipercayai.

Cadangan bagi Bank Negara Malaysia untuk mempunyai pegawai yang mempunyai kepakaran di dalam pelbagai bidang ekonomi dan menyeluruh supaya mereka ini dapat meninjau sesuatu dengan lebih berwawasan. Bank Negara Malaysia mempunyai sejumlah besar ahli ekonomi dalam Jabatan Ekonominya dan mereka juga mempunyai kepakaran dalam beberapa bidang ekonomi. Dalam masa yang sama kakitangan Bank Negara Malaysia sentiasa dihantar untuk menghadiri kursus-kursus, seminar-seminar serta melanjutkan pelajaran di tahap ijazah sarjana dan kedoktoran sebagai satu usaha untuk memperbaiki pengetahuan pegawai-pegawai. Pada masa yang sama setiap masa Bank Negara Malaysia sentiasa berhubungan dengan ISIS dan MIER dalam proses menilai ekonomi negara dan merangka polisi-polisi yang sewajarnya. Oleh itu, Bank Negara Malaysia mempunyai keupayaan kakitangan yang terlatih dan kemudahan untuk merangka polisi ekonomi dan kewangan yang mendalam.

Tuan Yang di-Pertua, tentang cadangan bagi Bank Negara Malaysia untuk menubuhkan satu unit pembangunan dan penyelidikan bagi membentuk satu sistem kewangan yang utuh dan telus, kedua-dua Jabatan Ekonomi dan Pengawasan Bank, Bank Negara Malaysia telah mengawasi secara berterusan perkembangan dalam sektor kewangan untuk menjamin kestabilan sistem kewangan dan kepercayaan pihak awam dalam sistem tersebut. Tugas tersebut termasuk juga mengawasi secara lebih teliti bank-bank untuk memastikan bahawa institusi-institusi kewangan ini mematuhi semua garis panduan yang perkhidmatan yang dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia dan untuk memasukkan langkah-langkah yang pragmatik dan cekap juga untuk mengambil langkah-langkah pemulihan bila diperlukan.

Kerja-kerja pengawasan juga diarahkan kepada polisi-polisi pelaburan dan pinjaman oleh bank-bank, keadaan kunci kira-kira, kualiti pengurusan dan pematuhan kepada pelbagai garis panduan. Penyediaan institusi-institusi ini adalah bertujuan untuk menentukan bahawa operasi-operasi perbankan berjalan secara kukuh dan secara amnya menjaga kepentingan pihak awam pendepositor-pendepositor khususnya. Dalam masa yang sama Bank Negara Malaysia sentiasa berusaha terhadap suatu sistem kewangan yang kukuh dan telus. Ini dicerminkan dalam pelbagai perkembangan yang telah berlaku termasuk sistem kawalan dua kumpulan bank dan institusi kewangan serta

pengukuhan langkah-langkah hemat terhadap suatu sistem yang tidak akan menyumbang terhadap risiko sistemik di dalam ekonomi.

Tentang cadangan sistem perbankan secara Islam ataupun sistem Mudarabah difikirkan dapat mengelakkan spekulasi mata wang. Bank Negara Malaysia memang giat dalam usaha menggalakkan sistem perbankan Islam diamalkan oleh institusi kewangan. Dalam sistem perbankan Islam setiap urusanniaga perbankan tidak melibatkan elemen riba. Sebaliknya setiap urusanniaga tersebut ada berdasarkan urusanniaga jual-beli, pajakan dan perkongsian. Di samping itu, salah satu prinsip dalam kewangan Islam ialah membuat keuntungan daripada wang adalah tidak dibenarkan di sisi Islam. Wang hanya merupakan alat pertukaran di mana ianya tiada mempunyai nilai tersendiri dan tidak boleh menyebabkan pertambahan jumlah wang. Usaha manusia, inisiatif dan risiko yang terbabit dalam usaha sama yang produktif adalah lebih penting daripada wang digunakan untuk membiayai usaha sama tersebut.

Di dalam Islam wang merupakan keupayaan membeli, dengan izin, purchasing power dan keupayaan ini tidak boleh digunakan untuk menambahkan keupayaan membeli tanpa urusanniaga jual-beli dan sebagainya. Tambah pula Islam melarang aktiviti spekulasi di dalam sebarang urusanniaga. Oleh itu, spekulasi mata wang secara tidak langsung dapat dielakkan di dalam sistem perbankan secara Islam.

Tuan Yang di-Pertua, cadangan bagi Bank Negara Malaysia untuk mengkaji semula struktur sistem perbankan yang diamalkan sekarang. Untuk makluman Dewan yang mulia ini Bank Negara Malaysia sentiasa mengambil peranan yang aktif dalam menyusun semula sistem perbankan untuk memajukan industri kewangan negara. Sebagaimana yang sedia maklum, sistem kawalan dua kumpulan telah dilaksanakan sejak tahun 1994 untuk membenarkan institusi yang kukuh dan bertaraf kumpulan satu membesarkan skop aktiviti dan menjalankan perkhidmatan mereka di dalam suasana operasi yang lebih liberal.

Baru-baru ini juga kumpulan institusi perbankan yang mengandungi dua institusi bertaraf kumpulan satu dibenarkan menjual nilai produktiviti dan perkhidmatan mereka di antara satu sama lain. Walau bagaimanapun, proses ini akan sentiasa dijalankan secara beransur-ansur supaya tidak menjejaskan kestabilan sistem kewangan. Dicadangkan juga supaya peraturan tertentu perlu diadakan untuk pinjaman, untuk pembelian saham, margine financing dan juga pinjaman melalui kad kredit. Kuasa untuk Bank Negara Malaysia mengawal pembelian kredit bagi pembelian saham oleh institusi perbankan adalah terkandung di dalam seksyen 67 Akta ABIK 1989 dan dalam bulan Mac 1997 Bank Negara Malaysia telah mengeluarkan garis panduan di bawah seksyen tersebut menghadkan pemberian kredit untuk pembelian saham dan unit amanah tidak lebih daripada 15% jumlah pinjaman bagi Bank Perdagangan dan

syarikat kewangan dan tidak melebihi 30% jumlah pinjaman bagi Bank Saudagar.

Begitu juga untuk pinjaman melalui kredit kad, iaitu Bank Negara juga telah mengeluarkan garis panduan dalam tahun 1996 menetapkan bayaran bulanan minimum sebanyak 15% baki hutang kredit yang sedia ada. Di samping itu, bank-bank juga diarah memberi tempoh masa tanpa faedah selama 20 hari bagi pembelian yang dibuat oleh pelanggannya. Nampaknya ini telah mendatangkan kesan yang positif.

Tentang sebab-sebab pentutupan cawangan-cawangan Bank Negara Malaysia, antaranya ialah Bank Negara Malaysia hanya ingin menumpukan kepada fungsi-fungsi utama sebagai Bank Pusat. Di antara fungsi-fungsi utamanya ialah menjalankan tugas-tugas perbankan secara borong sahaja. Manakala tugas-tugas perbankan secara runcit akan diamalkan oleh bank-bank perdagangan. Bank Negara Malaysia yakin bahawa perkhidmatan yang akan diberikan oleh bank-bank perdagangan adalah lebih cekap dan berkesan kerana bank-bank perdagangan mempunyai rangkaian cawangan yang lebih meluas di seluruh negara. Bank perdagangan juga mempunyai sistem perbankan yang cekap dengan teknologi yang tinggi dan terkini serta mempunyai perkhidmatan perbankan yang pelbagai dan tempoh waktu urusaniaga bagi setengah-setengah bank perdagangan lebih panjang dan ini memudahkan pelanggan-pelanggan berurusan dengan bank yang berkenaan. Bagi cawangan-cawangan Bank

Negara Malaysia yang tidak ditutup, cawangan-cawangan tersebut akan hanya berfungsi sebagai pusat pengedaran dan pemerosesan mata wang sahaja.

Sukacita juga saya memaklumkan iaitu kerajaan telah mewujudkan dana makanan (food fund) selaras dengan usaha untuk menggalakkan pelaburan-pelaburan baru dalam pengeluaran makanan asasi yang produktiviti. Bank Negara Malaysia pada bulan Januari 1993 telah melancarkan tabung untuk makanan ataupun Skim 3F dengan peruntukan daripada Bank Negara Malaysia sebanyak RM300 juta. Berkuatkuasa pada 1 Ogos 1997 kerajaan telah juga menambahkan tabung tersebut sebanyak RM300 juta lagi menjadikan dana tabung tersebut RM600 juta. Tiga sektor utama yang layak untuk dibiayai di bawah Skim 3F pada masa ini adalah sektor tanaman, sektor ternakan dan sektor perikanan.

Kadar faedah pinjaman di bawah Skim 3F adalah 4% setahun. Peminjam yang layak boleh mendapat kemudahan di bawah Skim 3F daripada semua bank perdagangan, syarikat kewangan peringkat satu, Bank Pertanian Malaysia, Bank Industri Malaysia dan Bank Pembangunan Malaysia. Kedudukan setakat 31 Oktober 1997 adalah seperti berikut: Tentang pinjaman untuk tujuan tersebut di bawah bilangan yang telah diluluskan ialah untuk peliharaan binatang - 409 permohonan; sayuran dan buah-buahan - 142 permohonan; akuakultur - 29 permohonan; pemerosesan makanan - 391 permohonan; makanan laut - 45 permohonan; dan untuk pengagihan dan



pemasaran 7 permohonan, berjumlah semua sekali ialah 1,023 kes permohonan dan jumlah amaun yang telah diluluskan ialah lebih kurang RM300 juta.

Sukacita saya maklumkan kepada Dewan yang mulia ini iaitu setakat ini pelaburan daripada negara asing atau foreign direct investment (FDI), dengan izin, masih kuat lagi. Berikut adalah beberapa angka yang boleh menunjukkan FDI itu masih kuat, masih berminat dan kuat melabur di dalam Malaysia:

<b>Tahun</b>	<b>Domestic Investment</b>	<b>Foreign Direct Investment</b>
1995	RM19.7 bilion	RM9.1 bilion
1996	RM17.2 bilion	RM17.1 bilion
1997 (Jan-Julai)	RM8.3 bilion	RM6.3 bilion.

Ini menunjukkan adalah pelaburan di dalam Malaysia itu masih kekal sangat kuat lagi. Jumlah permohonan untuk pelaburan itu yang terdapat setakat Januari hingga Julai 1997 ialah RM14.6 bilion.

Tentang sama ada pengurus-pengurus dana ada terlibat dalam manipulasi dalam serangan mata wang pada kali ini, sukacita saya maklumkan kepada Dewan yang mulia ini, iaitu setakat ini Bank Negara Malaysia tidak mempunyai sebarang rekod bahawa institusi kewangan, ahli korporat atau individu Malaysia yang mengkhianati kerajaan dan terlibat untuk mengaut keuntungan apabila nilai pertukaran Ringgit jatuh menjunam baru-baru ini.

Yang kita perhatikan ialah korporat hanya menjual dan membeli mata wang asing untuk melindungi risiko tukaran wang terhadap perdagangan mereka ataupun untuk tujuan perniagaan masing-masing.

Juga tentang peluang syarikat luar pesisir di Labuan sama ada mereka adalah terlibat dalam perniagaan mata wang, syarikat luar pesisir di Labuan pada amnya tiada peluang yang besar untuk mereka melibatkan diri dalam aktiviti spekulasi di atas Ringgit sebab kebanyakan urusan mereka adalah dalam mata wang asing.

Kelonggaran untuk mereka berurusan dalam instrument Ringgit adalah di kawal oleh Labuan Offshore Financial Services Authority (LOFSA), dengan izin, yang akan mengenakan had-had yang tertentu, tambahan lagi hanya Bank Luar Pesisir sahaja yang akan dibenarkan untuk melibatkan diri dalam urusan instrument Ringgit seperti bond Ringgit dan juga tentang strategi Malaysia untuk mencegah manipulasi mata wang, sebenarnya strategi ini telah saya huraikan semalam, cuma saya ingin mengambil kesempatan untuk merumuskan iaitu langkah-langkah yang dicadangkan oleh pihak Malaysia dalam kita mencegah manipulasi mata wang antarabangsa.

Yang pertama, ialah meluaskan Special Data Decimation Standard (SDDS) di bawah IMF untuk mempertingkatkan lagi ketulusan dan memperkenalkan kawalseliaan ke atas pasaran kewangan menerusi penubuhan

sistem maklumat perdagangan dunia mengenai pasaran pertukaran mata wang asing.

Yang kedua, ialah mewujudkan rangka kerja yang membolehkan negara-negara individual sentiasa bersedia untuk bertindak dengan berkesan sekiranya berlaku ketidakstabilan aliran modal dan ini merupakan secara sekali gus langkah-langkah yang dicadangkan oleh Malaysia dalam usaha kita menangani masalah ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa setakat itulah sahaja yang saya sempat jawab dan memberi huraian tentang cadangan dan pandangan yang telah ditimbulkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dan saya percaya tentu ada lagi perkara yang tidak sempat saya hendak beri huraian dengan lebih lanjut dan pegawai-pegawai yang berkenaan tentulah telah mengambil nota dan akan mengambil perhatian dan saya ucapkan sekali lagi kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbincangan Rang Undang-undang ini. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

[Timbalan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*]

**Fasal 1 hingga 5** diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

**RANG UNDANG-UNDANG  
PERBEKALAN TAMBAHAN (1997) (No.2) 1997**

**Bacaan Kali Yang Kedua**

**5.35 ptg.**

**Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Datuk Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan bahawa Rang Undang-undang bernama suatu Akta bagi menggunakan sejumlah wang dari Kumpulan Wang yang disatukan untuk perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan tahun 1997 dan bagi memperuntukkan jumlah wang itu untuk maksud-maksud yang tertentu bagi tahun itu dibacakan bagi kali yang kedua sekarang.

Rang undang-undang ini meminta kebenaran bagi peruntukan berjumlah RM13,141,219,516 dikeluarkan daripada kumpulan wang yang disatukan untuk

membiasai perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan tahun 1997 seperti yang ditunjukkan di dalam Jadual kepada rang undang-undang ini.

Tuan Yang di-Pertua, Anggaran Perbelanjaan Mengurus (Tambahan) Ketiga 1997 adalah berjumlah RM13,569,624,016. Daripada jumlah itu sebanyak RM13,141,219,516 diminta diluluskan di bawah Fasal 2 rang undang-undang ini manakala bakinya sebanyak RM428,404,500 adalah perbelanjaan tanggungan tertakluk kepada perbekalan undang-undang tertentu.

Peruntukan tambahan yang diminta diluluskan di bawah Fasal 2 rang undang-undang tersebut adalah seperti berikut. Tambahan sebanyak RM12.37 bilion di bawah Maksud B.30 peruntukan kepada kumpulan terkanun untuk perbelanjaan berikut:-

- (i) sebanyak RM12 bilion untuk dipindahkan kepada Kumpulan Wang Pembangunan daripada akaun hasil disatukan;
- (ii) sebanyak RM300 juta sebagai pinjaman kepada eksport import bank of Malaysia (Exim bank) untuk membiayai skim kemudahan pembiayaan semula kredit eksport yang diambil alih dari Bank Negara Malaysia; dan
- (iii) sebanyak RM70 juta untuk bayaran balik pinjaman bagi pihak Permodalan Nasional Berhad (PNB) kepada Bank Negara Malaysia (BNM) di bawah skim ASB-PPRT.

Tambahan sebanyak RM200 juta di bawah Maksud B.32 Jabatan Hasil Dalam Negeri untuk bayaran emolumen dan caruman kepada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) sebagai ganti pencen berikutan perubahan sistem saraan daripada Sistem Saraan Baru (SSB) kepada Sistem Saraan Lembaga Hasil Dalam Negeri.

Tambahan sebanyak RM80 juta di bawah Maksud B.25 Kementerian Pertahanan untuk membiayai perbelanjaan mengurus Angkatan Tentera Malaysia di Bosnia-Herzegovina.

Tambahan sebanyak RM72.8 juta di bawah Maksud B.48 Kementerian Pembangunan Luar Bandar untuk perbelanjaan berikut:-

- (i) sebanyak RM36.5 juta untuk pelarasan gaji kakitangan kontrak di bawah KEMAS; dan
- (ii) sebanyak RM36.3 juta bagi membiayai sebahagian pengkorporatan Lembaga Pumulihan dan Penyatuan Tanah Negara (FELCRA).

Tambahan sebanyak RM66.4 juta di bawah Maksud B.29 Perkhidmatan Am Perbendaharaan untuk membiayai subsidi harga bahan-bahan petroleum.

Tambahan sebanyak RM62.4 juta di bawah Maksud B.7 Jabatan Perdana Menteri untuk perbelanjaan berikut:-

- (i) sebanyak RM23.4 juta untuk membiayai lawatan ketua-ketua negara asing ke

Malaysia dan lawatan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong ke Amerika Syarikat dan sambutan Hari Kebangsaan Malaysia;

- (ii) sebanyak RM25 juta sebagai geran pemberian kepada Malaysian Industry Group For High Technology (MIGHT);
- (iii) sebanyak RM10 juta untuk projek-projek kecil infrastruktur seperti jalan, parit dan tempat pembangunan sampah dan lain-lain projek bagi meningkatkan keselesaan hidup rakyat; dan
- (iv) sebanyak RM4 juta untuk projek kecantikan bandar sempena Sukan Komanwel 1998.

Tambahan sebanyak RM49 juta di bawah Maksud B.22 Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan untuk perbelanjaan berikut:-

- (i) sebanyak RM20 juta untuk promosi Sukan Komanwel 1998 di luar negeri;
- (ii) sebanyak RM15 juta untuk Tahun Sukan dan Rekreasi 1998;

- (iii) sebanyak RM10 juta untuk pameran dan pementasan kebudayaan negara semasa Sukan Komanwel 1998; dan
- (iv) sebanyak RM4 juta untuk Persidangan Asean Tourism 1997.

Tambahan sebanyak RM43.4 juta di bawah Maksud B.19 Kementerian Pertanian untuk membiayai Skim Subsidi Baja Padi.

Tambahan sebanyak RM35.4 juta di bawah Maksud B.22 Kementerian Kerja Raya untuk membiayai projek khas penyelenggaraan.

Tambahan sebanyak RM33.4 juta di bawah Maksud B.26 Kementerian Pendidikan untuk membiayai program Skim Latihan Akademik Bumiputera (SLAB) bagi tahun 1997.

Tambahan sebanyak RM18.4 juta di bawah Maksud B.42 Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat untuk perbelanjaan berikut:-

- (i) sebanyak RM14.7 juta untuk menampung pelarasan gaji dan imbuhan perumahan bagi Jabatan Perpaduan Negara, Jabatan Hal Ehwal Orang Asli, Jabatan Kebajikan Masyarakat serta catuan makanan institusi-institusi kebajikan; dan
- (ii) sebanyak RM3.7 juta untuk sumbangan kerajaan kepada Yayasan Kebajikan Negara;



Tambahan sebanyak RM15.9 juta di bawah Maksud B.18 Kementerian Perusahaan Utama untuk perbelanjaan mengurus agensi getah bagi tempoh bulan Julai hingga Disember 1997 iaitu Bahagian Pelesenan dan Pengawasan Lembaga Pemasaran dan Pelesenan Getah Malaysia (MRELB) dan Lembaga Penyelidikan dan Kemajuan Getah Malaysia (MRRDB).

Tambahan sebanyak RM13.7 juta di bawah Maksud B.44 Kementerian Penerangan untuk menjelaskan bayaran premium dan cukai tanah kepada beberapa kerajaan negeri yang telah meluluskan permohonan tanah bagi tapak pemancar, tapak transposer dan tapak kediaman kakitangan.

Tambahan sebanyak RM12.8 juta di bawah Maksud B.1 Parlimen untuk membiayai kerja-kerja kecil peningkatan kemudahan Parlimen, pelarasan elaun bulanan dan kenaikan kadar kelayakan Yang Berhormat Ahli-ahli Parlimen.

Tambahan sebanyak RM10.7 juta di bawah Maksud B.31 Jabatan Kastam dan Eksais DiRaja untuk membiayai bayaran emolument kakitangan.

Tambahan sebanyak RM10 juta di bawah Maksud B.28 Perbendaharaan sebagai sumbangan kerajaan kepada Yayasan Laporan Kewangan Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia.

Tambahan sebanyak RM9.5 juta di bawah Maksud B.37 Jabatan Imigresen untuk membiayai pembelian peralatan aktiviti penguatkuasaan, pembukaan laluan kedua CIQ Gelang Patah, pelaksanaan projek pengkomputeran Jabatan Imigresen dan perpindahan pasukan Petugas

Pendatang Asing (PPA) dari Kementerian Dalam Negeri yang dikenali sebagai Bahagian Pekerja Asing.

Tambahan sebanyak RM7.6 juta di bawah Maksud B.47 Kementerian Pengangkutan untuk menjelaskan bayaran penyelenggaraan sistem perkhidmatan trafik udara.

Tambahan sebanyak RM5.4 juta di bawah Maksud B.16 Jabatan Perkhidmatan Bomba untuk membiayai penyusunan semula organisasi dan perbelanjaan bagi utiliti iaitu air, elektrik dan telefon berikutan kenaikan kadar tarif dan pembukaan balai baru.

Tambahan sebanyak RM5.2 juta di bawah Maksud B.39 Jabatan Pendaftaran Negara untuk membiayai pembelian bay-stock bagi pengeluaran Kad Pengenalan Bermutu Tinggi (KPT) dan penyelenggaraan peralatan KPT.

Tambahan sebanyak RM5 juta di bawah Maksud B.36 Polis DiRaja Malaysia bagi Jawatankuasa Kecil Keselamatan di bawah Polis DiRaja Malaysia untuk mengendalikan kerja-kerja berkaitan keselamatan bagi Mesyuarat G-15 ASEAN Informal Summit 1997, Sukan Komanwel 1998 dan Mesyuarat APEC 1998.

Tambahan yang lain, sebanyak RM14.1 juta adalah dikehendaki untuk membiayai pelbagai perkhidmatan di bawah Maksud-maksud B.3 Jabatan Audit, B.11 Badan Pencegah Rasuah, B.34 Kementerian Kesihatan dan B.43 Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi.

Butir-butir dan penjelasan lanjut mengenai peruntukan tambahan bagi Anggaran Perbelanjaan Mengurus Tambahan Ketiga 1997 adalah seperti dalam penyata anggaran tambahan yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 16 Tahun 1997 dan dalam Memorandum Perbendaharaan yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 16A Tahun 1997.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

**Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Wong See Wah]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah Rang Undang-undang bernama suatu Akta bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan tahun 1997 dan bagi memperuntukkan sejumlah wang itu untuk maksud-maksud yang tertentu bagi tahun itu dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Yang Berhormat Tuan Ding Seling.

**5.50 ptg.**

**Tuan Ding Seling:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana memberi saya peluang untuk membahaskan Rang undang-undang suatu Akta bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan tahun 1997 dan bagi

memperuntukkan jumlah wang itu untuk maksud-maksud yang tertentu bagi tahun itu.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin sokong rang undang-undang ini, dengan menyokong rang undang-undang ini izinkan saya menyebut sedikit sebanyak komen, cadangan untuk pertimbangan, perhatian pihak kerajaan khususnya kementerian-kementerian tertentu. Saya bercakap sebagai seorang khususnya dari luar bandar, maka komen-komen saya memanglah mirip dari aspek luar bandar.

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

Tuan Yang di-Pertua, pertama sekali ialah dari aspek perbelanjaan, amaun yang telah disentuh oleh Yang Berhormat Setiausaha Parlimen tadi, walaupun saya tidak akan sebutkan satu persatu tetapi pada mulanya saya ingin katakan bahawa dalam anggaran perbelanjaan negara walaupun tambahan seperti ini, saya ingin membuat saranan, cadangan kepada pihak kerajaan supaya mengambil kira tentang amaun perbelanjaan yang dibahagikan, yang diagihkan kepada sektor ekonomi kita yang sedang membangun ataupun giat membangun khususnya dari aspek pertanian dan aktiviti-aktiviti orang-orang Malaysia yang di luar bandar.

Tuan Yang di-Pertua, dalam aspek ini, saya ingin cadangkan supaya kerajaan khususnya Kementerian Pertanian misalnya mengambil kira khusus bukan sahaja dari segi kos-kos pengurusan kementerian, pejabat-pejabat

tertentu tetapi juga untuk melihat bagaimana kementerian itu menentukan pembangunan sektor pertanian secara kecil-kecilan dan juga besar-besaran demi untuk menentukan pembangunan dalam negara kita ini adalah lebih menyeluruh, supaya pembangunan ekonomi kita bukan sahaja pesat dalam sektor yang lebih canggih ataupun dalam konteks kita ini di bandar-bandar besar tetapi juga pembangunan kita itu disentuh, dikecapi, dinikmati oleh orang-orang di luar bandar.

Tuan Yang di-Pertua, inilah dasar ataupun latar belakang fikiran saya memberi cadangan agar Kementerian Pertanian misalnya di sini kita sentuhkan B.19, melihat aspek pembangunan bukan sahaja dari aspek pengurusan.

Tuan Yang di-Pertua, ini akan sekali gus cuba menyebarkan ataupun mengagihkan kekayaan negara kita untuk menentukan bahawa orang-orang luar bandar yang kini masih lagi, saya tak tahu mungkin di Semenanjung bukan begitu tetapi di Sarawak dan Sabah masih lagi mereka yang di luar bandar dikaitkan dengan orang-orang miskin, walaupun sebenarnya kita di luar bandar adalah kaya raya dengan tanah. Sesebuah keluarga misalnya mempunyai tanah bukan sahaja sepuluh, dua puluh ekar tetapi mungkin seratus atau dua ratus ada juga yang lebih daripada itu. Tetapi kalau kita lihat dari segi cara hidup mereka, taraf hidup mereka, mereka adalah orang-orang yang agak miskin kalau tidak boleh dikatakan miskin iaitu dari segi pendapatan mereka setiap bulan dan setiap tahun.

Ini adalah satu gejala sejarah kita di mana orang-orang di luar bandar seperti yang saya sebutkan tadi di Sarawak, di mana mereka mempunyai harta tanah melalui warisan nenek moyang mereka mengikut undang-undang yang tertentu itu, mempunyai tanah yang besar tetapi tidak mempunyai upaya, tidak mempunyai teknologi, tidak mempunyai pengetahuan untuk membangunkan tanah-tanah mereka iaitu modal yang begitu penting.

Tuan Yang di-Pertua, maka itulah dasar ataupun latar belakang fikiran saya yang menyarankan dan mencadangkan tadi supaya Kementerian Pertanian memikirkan aspek itu mungkin dengan kerjasama kementerian-kementerian yang lain ataupun dengan kerjasama badan-badan semi government, dengan izin, ataupun pihak swasta.

Tuan Yang di-Pertua, dengan cara membangunkan tanah yang ada pada kita di luar bandar, tanah yang besar-besar itu maka saya rasa inilah cara yang begitu baik untuk menentukan bahawa middle class dari segi pendapatan kita dari segi ekonominya akan lebih besar, tidaklah lebih kecil lagi ataupun lebih kurang lagi bilangan mereka yang dianggap sebagai miskin kerana pembangunan tanah-tanah yang terbiar di luar-luar bandar.

Tuan Yang di-Pertua, seperti yang kita sedia maklum, dalam sesebuah negara sekiranya terdapat terlalu besar perbezaan di antara pendapatan rakyatnya, terlalu kecil misalnya upper class dari segi ekonominya, dengan izin dan juga kecil sahaja bilangan middle class, terlalu besar lower class, maka

inilah satu konteks, satu keadaan di mana sistem ekonomi negara itu mungkin mudah menjadi lemah dan susah untuk membangun. Kalau kita lihat di sekitar kita di rantau Asia ini, kita boleh melihat ada negara-negara tertentu yang masih lagi mempunyai terlalu besar misalnya lower class itu di mana income atau pendapatan mereka kecil maka mereka masih lagi dalam keadaan yang agak miskin.

Tuan Yang di-Pertua, saya tahu bahawa dalam negara kita Malaysia banyak telah dilakukan. Dalam kata-kata ini tadi saya tidak mengatakan atau menyalahkan mana-mana pihak, saya tidak mengatakan bahawa kerajaan belum lagi buat tetapi sebenarnya kerajaan telah melakukan banyak sudah usaha, apa yang saya hendak cadangkan di sini ialah supaya kerajaan teruskan usaha yang baik dan gigih itu supaya orang-orang kita yang di luar bandar itu adalah mengecapi atau menikmati kemajuan kita yang pesat dinikmati oleh rakyat yang berada di bandar. Inilah satu caranya saya rasa dalam fikiran saya di mana kita boleh mengukuhkan pembangunan kita yang lebih menyeluruh.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin cadangkan supaya pembangunan dari segi luar bandar itu bukan sahaja dari segi pembangunan tanah, tanam-tanaman tetapi juga dari aspek kemudahan seperti jalan, api dan lain-lain. Ini memanglah satu perkara yang mesti ataupun yang mahu dinikmati oleh orang-orang kita di luar bandar seperti juga yang menikmati kemudahan ini dalam bandar iaitu pembekalan air yang bersih, yang elok, yang boleh dipercayai tidak

mengandung kuman-kuman yang mungkin akan membawa penyakit seperti cholera, dengan izin, dan juga pembekalan elektrik, air di mana kita dalam negara ini saya tahu mempunyai polisi di mana kita mempunyai punca api yang lebih dari satu iaitu hidro, arang batu dan juga gas.

Tuan Yang di-Pertua, maka orang-orang di luar bandar juga mahu menikmati perkara itu maka dari aspek pembangunan itu saya merayukan supaya kerajaan janganlah lupa mereka yang di luar bandar.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin juga sentuh satu lagi perkara iaitu Maksud B.22 - Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Dewan yang mulia ini tidak lama dahulu ada satu pesta muzik di negara Perancis di mana kita dari Sarawak menghantarkan beberapa orang pemain muzik antaranya ialah pemain muzik sapae (s-a-p-a-e). Sapae itu adalah satu alat muzik yang mungkin Tuan Yang di-Pertua sendiri telah mendengar ianya alat muzik itu sangat simple tetapi bunyi yang dikeluarkan oleh alat ini adalah begitu menarik dan dalam pesta itu, kita dapati dalam satu kenyataan mereka mengatakan, menganggapkan alat itu ataupun muzik yang dibuat dari alat itu adalah satu-satunya yang terbaik di dunia ini. Ini memanglah satu pandangan yang mungkin subjektif iaitu yang menarik hati orang seperti orang Eropah yang menghadiri pesta itu, tetapi Tuan Yang di-Pertua, maksud saya menyentuh perkara ini ialah untuk menyarankan bahawa kerajaan mungkin melihat dan meneliti seperti yang telah pun dibuat



saya pasti, yang mana kekayaan budaya muzik kita dalam negara ini yang boleh kita gunakan untuk mengemukakan kepada dunia supaya mengharumkan lagi nama negara kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, kalau dalam kes yang saya sebutkan tadi, kalau kita gunakan sapa sebagai satu cara kita menyebarkan bahawa negara kita akan menganjurkan Commonwealth Games nanti mungkin perkara ini akan menarik hati orang-orang Eropah dan mengingatkan perkara itu mungkin ramai orang yang akan datang, mungkin bukan satu juta malahan dua juta orang yang akan datang melihatkan bahawa ada tarikan ataupun ada kualiti yang tertentu yang mengingatkan mereka supaya mereka membuat persediaan untuk datang ke 'games' itu nanti, bukan sebagai peserta dalam athletic tetapi mungkin sebagai pelancong untuk melihat negara kita ini. Maka dari aspek itu kita sedia maklum satu caranya kita menarik wang asing dan saya rasa kita boleh mengharumkan nama kita di Malaysia ini.

Tuan Yang di-Pertua, satu, dua lagi perkara yang saya ingin sentuh iaitu dalam kes B.39 - Jabatan Pendaftaran Negara.

Tuan Yang di-Pertua, saya pernah juga dalam Dewan yang mulia ini sudah sentuh perkara ini beberapa kali dahulu baik dalam ucapan saya dan juga dalam konteks tertentu termasuklah Soal Jawab, tetapi di sini saya sekali lagi ingin menyentuh perkara ini untuk menyarankan bahawa dalam konteks pendaftaran negara ini di mana orang-orang kita diluar bandar memang susah

bagi mereka untuk pertama sekali untuk mendaftar anak-anak mereka yang baru lahir kerana ramai dari mereka itu dilahirkan di kampung-kampung jauh dari pusat-pusat pentadbiran, pusat-pusat di mana mereka boleh didaftarkan seperti di klinik dan seterusnya apabila tidak dapat didaftarkan begitu maka susahlah bagi mereka untuk memohon pendaftaran kelahiran anak mereka lewat (late registration), dengan izin. Seterusnya apabila meningkat umur 12 tahun maka lebih susah lagi bagi mereka untuk memohon kad pengenalan.

Tuan Yang di-Pertua, pernah sekali dahulu saya cadangkan dalam Dewan yang mulia ini supaya kerajaan memikirkan bagaimana hendak meningkatkan perkhidmatan Jabatan Pendaftaran Negara untuk menentukan perkhidmatan ini dinikmati dengan begitu segera bagi mereka yang jauh dari bandar.

Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya saya pun telah menyatakan dahulu banyak yang telah dibuat. Saya telah mendengar cerita di mana pegawai-pegawai perempuan pun pergi ke hulu-hulu sungai untuk menemui mereka yang tidak ada kad pengenalan dan juga mendaftarkan budak-budak kecil yang telah lahir dan belum ada mempunyai Sijil Kelahiran, maksud saya itu pegawai perempuan pergi itu memang bersusah payah bagi mereka dan seterusnya memang Jabatan Pendaftaran Negara telah pun membuat usaha yang begitu gigih, tetapi masih lagi ada yang ketinggalan. Ini adalah kerana sebab-sebab

yang tertentu oleh kerana mereka yang di luar bandar itu tidak faham dan mungkin tidak tahu dan kemungkinan juga ada sebab-sebab yang lain.

Mengikut apa yang telah saya dapati, saya sendiri juga telah membuat tinjauan dan pertanyaan dengan orang-orang di luar-luar bandar seperti di kampung-kampung tertentu termasuklah kampung saya sendiri, saya telah bertanya-tanya kenapa ada antara mereka itu yang belum lagi ada mempunyai kad pengenalan, ada yang sudah menjadi nenek, menjadi datuk, maksud saya ada cucu yang sudah tua lebih dari 40 tahun sekurang-kurangnya kalau tidak kurang dari 50 tahun, maksudnya mereka ini telah pun dilahirkan di Sarawak sebelum merdeka dahulu iaitu sebelum tahun 1957 dan sebelum tahun 1963 di mana Malaysia terbentuk.

Jadi, mereka ini saya rasa tidaklah ada masalahnya sekiranya mereka didaftar memberi pendaftaran kelahiran lewat dan seterusnya mendapat kad pengenalan. Walau bagaimanapun, ada juga di antara mereka ini yang belum lagi memiliki kad pengenalan oleh sebab-sebab teknikal, antara sebabnya ialah tindakan pegawai.

Saya mohon maaf kerana menyebutkan perkara ini tetapi ini adalah benar, kenyataan, kerana saya pernah melihat dan ada bukti-bukti tertentu di mana pegawai-pegawai tertentu, bukan pegawai atasan, tetapi pegawai-pegawai di bawah yang mempunyai tanggungjawab seperti kerani yang mempunyai tanggungjawab untuk menguruskan perkara ini, mereka telah tidak

menggunakan kuasa mereka dengan betul. Mereka mungkin ada menyalahgunakan kuasa mereka dengan misalnya bimbingan yang tidak tepat, dengan pernyataan yang kurang betul, tetapi oleh kerana mereka yang memohon itu adalah jauh dari luar bandar dan susah hendak pergi ke pusat-pusat pentadbiran, maka perkara ini semakin lama semakin ketinggalan sehingga ramai yang tidak mendapat kad pengenalan dan tidak sedikit yang begitu marah kepada kerajaan kerana mereka anggap bahawa kerajaan tidak ambil berat tentang ketiadaan mereka. Ada juga budak-budak lepasan sekolah di mana mereka tidak boleh memohon pekerjaan baik dalam sektor kerajaan dan juga dalam sektor swasta, oleh kerana mereka tidak mempunyai kad pengenalan.

Tuan Yang di-Pertua, maka itulah keadaan di luar bandar yang dihadapi oleh ramai orang, kalau saya bercakap sebagai seorang ahli politik, saya pun boleh katakan bahawa inilah satu caranya mereka tidak dapat mengundi kerana tidak boleh didaftarkan sebagai pengundi maka apabila masa untuk mengundi nanti, mereka tidak boleh mengundi. Mujurlah Ahli Dewan Negara tidak perlu memohon undi.

Tuan Yang di-Pertua, dalam kes ini saya ingin cadangkan satu cadangan iaitu kalau boleh biarlah kerajaan merestuan perlantikan seseorang ketua kampung ataupun seseorang seperti guru di tempat-tempat tertentu itu kalau tidak ada guru, tidak ada sekolah dialah seorang ketua kampung ataupun

paramedic untuk dilantik sebagai pendaftar sesuatu kelahiran dan seterusnya juga membantu dalam proses untuk memohon kad-kad pengenalan.

Saya rasa mereka itu boleh dilatih, bukan susah sangat untuk mengisi borang, kalau salah sekali dia bertanggungjawab untuk pergi belajar bagaimana cara memohon atau mengisi borang dan seterusnya keadaan fizikal dari segi gambar yang patut diguna dalam proses permohonan seperti kad pengenalan misalnya.

Jadi, saya ingin cadangkan supaya kerajaan memikirkan untuk melantik seorang atau kalau boleh ketua masyarakat, ketua kampung, kalau dia boleh tulis-menulis, kalau buta huruf mungkin seorang yang lain diwakilkan untuk mendaftarkan kelahiran supaya pendaftaran itu diiktiraf, di'recognise' oleh pihak tertentu khususnya Jabatan Pendaftaran Negara supaya mereka boleh memproseskan permohonan yang lewat.

Tuan Yang di-Pertua, saya sangat prihatin mengenai perkara ini kerana ramai orang-orang yang saya kenal sendiri sebagai seorang budak kecil lagi dalam umur dibawah sepuluh dan juga belasan masih lagi mereka tidak mempunyai kad-kad pengenalan dan rasanya ini adalah satu keadaan yang agak serius walaupun mungkin tidak ramai tetapi kalau kita hitung semua dari seluruh tempat di pedalaman, saya rasa tidaklah kurang, ini termasuklah juga orang-orang Penan, ada orang Penan yang merantau di hutan di mana memang

susah untuk menemui mereka. Jadi, melahirkan anak pun dekat pokok kayu, di mana ada klinik di situ, tidak ada doktor di situ untuk mendaftarkan kelahiran.

Tuan Yang di-Pertua, itulah saya ingin cadangkan supaya kerajaan memikirkan bagaimana hendak merekodkan kelahiran dan seterusnya memohon kad pengenalan.

Tuan Yang di-Pertua, Maksud B.37 - Jabatan Imigresen. Di sini saya ingin sentuh sedikit mengenai pekerja asing. Kita sedia maklum, negara kita sekarang memerlukan tenaga kerja buruh yang banyak, orang-orang kita dalam Malaysia baik di Semenanjung ini dan Sabah, Sarawak tidak cukup, lagi pun ramai dari tenaga pekerja yang baru dan sangat memilihkan pekerja mereka, tidak mahu untuk menjadi pekerja buruh di ladang-ladang dan sebagainya dan di tempat-tempat pembangunan juga, pembuat rumah.

Tuan Yang di-Pertua, oleh yang demikian kita memerlukan ramai pekerja asing. Saya mengucapkan tahniah kepada kerajaan kerana telah pun menukar polisi mengenai perkara ini tidak lama dahulu yang telah pun diisytiharkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita, maka di sini adalah satu-satunya pertukaran flexibility yang telah ditunjukkan oleh Yang Amat Berhormat pemimpin kita dan juga oleh kerajaan pada amnya yang mengambil berat tentang pembangunan negara kita sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun dalam perkara itu, saya ingin cadangkan kalau boleh diselaraskan kedatangan pekerja-pekerja asing itu mempunyai satu

polisi ataupun satu panduan yang sama seperti di Semenanjung ini dan juga di Sarawak. Misalnya di Sarawak sekarang, Tuan Yang di-Pertua, saya sebutkan perkara ini begini. Kalau di Sarawak kita mempunyai dua pejabat yang menguruskan perkara ini, satu ialah Jabatan Buruh yang memberi kuota kepada syarikat-syarikat tertentu untuk membawa pekerja asing melalui ejen-ejen yang telah pun diiktirafkan oleh kerajaan dan apabila mereka telah pun memberikan kuota itu maka Jabatan Imigresen akan membawa mereka masuk dengan merujuk kepada apa yang telah diprove, dengan izin, oleh Jabatan Buruh.

Tuan Yang di-Pertua, tetapi dalam proses ini ada proses tertentu di mana membawa pekerja asing melalui dua jabatan kerajaan seperti ini akan menyebabkan satu dengan izin, red tape di mana satu kelulusan sedang ditunggu dan satu kelulusan sudah pun diluluskan sehingga ada kalanya di mana orang pun sudah sedia masuk tetapi kelulusan yang ditunggu itu belum diluluskan oleh satu jabatan tadi, maka inilah satu sebabnya di mana kita lihat banyak pekerja-pekerja asing yang masuk dalam negeri kita khususnya di Sarawak tetapi mereka masih lagi dianggap sebagai orang-orang haram.

Sebenarnya kalau kedua-dua autoriti ini menguruskan proses ini dengan begitu cepat, dengan cekap, maka kita boleh mengurangkan bilangan mereka yang masuk ke dalam negeri kita dengan secara haram. Sebenarnya mereka telah masuk diberi kelulusan tetapi dalam masa dua minggu, sebagai visitor, dengan izin, tetapi satu kelulusan lagi iaitu buruh misalnya tidak dapat

diluluskan, mendapat kelulusan hanya dalam dua, tiga bulan dan ada kalanya hampir setahun maka mereka yang telah masuk, yang dibawa oleh pihak Imigresen menjadi orang haram. Jadi, di mana kesalahannya, saya rasa eloklah kerajaan, pihak-pihak tertentu untuk menyelaraskan proses pentadbiran mereka.

Tuan Yang di-Pertua, saya sebut perkara itu juga oleh kerana sebenarnya kita mahu mereka ini datang untuk membantu kita dalam pembangunan, kerja-kerja kita membangunkan tanah-tanah kita bukan sahaja di Semenanjung ini tetapi khususnya di Sabah dan Sarawak yang sedang pesat membangun dan Yang Amat Berhormat Ketua Menteri Negeri Sarawak, Datuk Patinggi Tan Sri baru-baru ini misalnya telah mengisytiharkan bahawa negeri kita akan membangunkan lapan juta hektar tanah dalam menjelang tahun 2014.

Jadi, maknanya banyaklah kerja-kerja yang kita perlukan, oleh itu kita mahukan kerja-kerja yang penting, yang menjadi nadi proses pembangunan kita itu datang untuk membantu kita dalam pembangunan. Dan dengan itu juga sekali gus kita juga akan menentukan tidak banyak sangat yang menjadi orang haram oleh kerana mereka menjadi haram bukan sahaja mereka masuk mengikut 'jalan tikus' kata orang, tetapi sebenarnya kita mengharamkan mereka oleh kerana cara proses pentadbiran adalah agak lewat.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin sentuh juga secara ringkas Maksud B.48 - Kementerian Pembangunan Luar Bandar. Saya harap kementerian ini hantarkan pegawai-pegawainya walaupun Yang Berhormat Setiausaha



Parlimen dari Sarawak tetapi hantar pegawai-pegawainya supaya pergi ke Sarawak untuk melihat keadaan di situ supaya mereka tahu apabila kita memohon pembangunan seperti jalan luar bandar ataupun pembangunan membuat rumah ataupun pembangunan yang seperti itu, supaya mereka faham kenapa permohonan kita itu yang berbentuk begitu, supaya jangan mereka fikirkan, okay permohonan ini tidak mengikut peraturan tertentu dan hanya ditolak sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya Maksud B.52 - Kementerian Kerja Raya. Saya harap Kementerian Kerja Raya ingat mengenai jalan raya di Sarawak khususnya di Bahagian Bintulu dan Miri di mana kita masih lagi menunggu jalan raya yang belum lagi selesai sejak beberapa tahun yang lalu iaitu sejak 1963 kita belum lagi mempunyai 'tar road' sampai melalui Bahagian IV ataupun Bahagian Miri. Saya harap wang perbelanjaan yang telah pun diluluskan seperti dahulu yang telah disebutkan oleh Yang Berhormat Menteri itu boleh digunakan dengan membangunkan jalan raya di tempat yang saya sebut tadi.

Tuan Yang di-Pertua, saya sentuh perkara seperti ini walaupun ini adalah hanya meluluskan dan membincangkan Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1997) (No.2) 1997, oleh kerana saya ingin mengambil peluang ini untuk menyentuh perkara yang dengan izin, very deep in my heart khususnya dari segi kad pengenalan tadi. Saya harap kerajaan khususnya pihak

Jabatan Pendaftaran Negara tidaklah memikirkan saya buat-buatkan hal ini dalam Dewan yang mulia ini dan saya tidak mahu untuk menyinggung perasaan di mana-mana khususnya Jabatan Pendaftaran Negara dan khususnya juga kementerian yang tertentu, menteri yang tertentu tetapi saya kemukakan perkara ini oleh kerana perkara ini memanglah keadaan yang benar dan saya harap ianya akan dilihat, diambil kira dan kalaulah orang-orang seperti saya dan orang-orang tempatan boleh membantu dengan apa juga, kita rela untuk membantu dalam menyelesaikan perkara ini.

Tuan Yang di-Pertua, dengan kata-kata itu, saya sekali lagi menyokong rang undang-undang ini. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Datuk Haji Sairin.

**6.18 ptg.**

**Datuk Haji Sairin bin Karno:** Tuan Yang di-Pertua, saya berdiri di sini untuk turut sama-sama menyokong rang undang-undang yang telah dibentangkan dan untuk itu saya ingin menyentuh beberapa hal sebagaimana juga rakan saya dari Sarawak di mana apa yang beliau sentuh mengenai dengan soal pertanian ini, saya bersetuju bahawa telah sampai waktunya tanah-tanah yang begitu luas terutama di Sarawak dan di Sabah juga di Semenanjung ini perlulah kita pergunakan sebijak mungkin. Untuk makluman, di negeri Sabah baru-baru ini sejumlah tanah yang luas telah diambil ataupun telah digazet

sebagai hutan simpan di mana ianya apabila menjadi hutan simpan, tidak boleh dibangunkan kecuali untuk tujuan reforestration.

Saya ingin merayu kepada pihak kerajaan, pihak kementerian berkenaan agar mencari satu formula di mana tanah-tanah tersebut sama ada dibubarkan daripada status yang ada atau dipinjamkan untuk satu tempoh sehingga ianya digunakan oleh kementerian berkenaan barulah dikembalikan kepada mereka, jika tidak ada eloknya ianya ditanam dengan apa juga bentuk tanaman sesuai dengan keadaan sekarang di mana kita sedia maklum, inflasi hampir-hampir bersama-sama dengan kita untuk satu waktu sekali lagi. Kita terdengar hari ini melalui surat khabar, melalui media massa pelbagai perkara yang telah diluahkan oleh masyarakat desa terutamanya di mana barangan termasuklah barangan tempatan ataupun keluaran tempatan seperti minyak kelapa sawit telah menjadi perbualan hangat di mana sepatutnya tidak dapat tidak dinaikkan tetapi naik harganya tanpa meminta keizinan dari pihak berkenaan. Saya rasa seandainya tanah-tanah yang terbiar ini dapat kita bangunkan, banyak perkara seperti inflasi ini dapat kita elakkan.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh mengenai dengan subsidi, untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, di negeri Sabah dan tengah hari tadi saya telah menyentuh di mana subsidi ini terlalu lambat dibayar terutama kepada masyarakat kampung, apabila ianya lambat dibayar, maka kadang-kadang ianya juga menjadi isu. Saya mohon kepada Kementerian Pertanian agar perkara ini

dapat dilihat atau dapat diselesaikan, jangan mengambil waktu sehingga berbulan-bulan kadang-kadang memakan waktu sehingga bertahun-tahun lamanya.

Di samping itu, saya juga suka menyarankan agar MARDI ataupun mana-mana agensi yang ingin membuat saranan untuk mencari jalan bagi terutamanya tanaman padi yang kita sedia maklum, memang penghasilannya cukup bagus tetapi kita sedia maklum kita ingin yang terbaik dari masa ke semasa.

Jadi, untuk itu kita mohon supaya pihak berkenaan sentiasa mencari jalan termasuk seperti mencari klon tanaman getah bermutu tinggi di mana penghasilannya adalah lebih baik dari sebelum ini. Jika hal-hal seumpama ini dapat dilaksanakan, saya yakin bahawa ini juga akan memantapkan ekonomi masyarakat di desa-desa.

Seperkara barangkali, saya tidak tahu kalau ini sesuai untuk diambil perhatian oleh pihak Kementerian Pertanian tetapi saya rasa memang sesuai di mana premium tanah. Saya difahamkan kalau di Sarawak, premium tanahnya untuk satu ekar RM300 manakala di negeri Sabah RM500 untuk seekar. Saya sentuh hal ini kerana seandainya orang-orang kampung ataupun orang-orang yang berpendapatan rendah memohon tanah yang melebihi dari 50 ekar, maka bayaran tersebut agak membebankan. Jadi, saya mintalah supaya pihak kementerian terutama Kementerian Pertanian ini dapat mencari jalan membantu

supaya perkara seumpama ini tidak dikenakan kepada masyarakat yang tidak mampu untuk membayarnya.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh mengenai dengan B.11 - Badan Pencegah Rasuah di mana kita sedia maklum bahawa sejak akhir-akhir ini nampaknya BPR telah berperanan sebagaimana yang dikehendaki, tetapi kita tidak mahu melihat bahawa BPR terus-menerus akan mengambil tindakan kepada orang-orang tertentu dan kalau barangkali sudah keterlaluan memang wajar diambil tindakan. Apa yang saya maksudkan di sini untuk masa ini ada baiknyalah bukan mengajar itik berenang, tetapi sekadar menunjuk mana lagi kolam yang perlu direnangi. Kita berilah latihan atau kursus atau seminar, ini memang saya lihat ada tetapi tidak begitu banyak, tidak begitu kerap terutama di daerah-daerah pedalaman ianya jarang-jarang diadakan. Jadi apabila seminar, kursus atau apa juga bentuk ilmu yang mana kita sedia maklum mencegah lebih baik daripada mengubati, insya-Allah BPR tidaklah seteruk seperti yang kita dengar dan kita saksikan hari ini mereka terpaksa bertungkus-lumus mencari orang-orang berkeñaan dan saya yakin seandainya ilmu diberi kepada mereka seawal mungkin, orang-orang ini tidak akan terkena sebab biasanya orang yang diambil tindakan oleh Badan Pencegah Rasuah, saya berani mengatakan salah satu daripadanya kerana moral mereka agak rendah atau barangkali disiplin diri mereka tidak begitu meyakinkan sehingga mereka tergamak melakukan perkara yang menyalahi dari segi undang-undang.

Seperkara saya ingin menyentuh mengenai dengan B.1 iaitu Parlimen. Saya rasa rakan-rakan telah banyak kali menyebut soal masalah di dalam Parlimen ini dan termasuk saya sendiri. Terima kasihlah sebab saya nampak lampu yang saya tegur tempoh hari di sebelah sini sudah terang benderang, cuma saya tidak tahu barangkali masanya sudah habis ini, itu makanya gelap satu biji ini. *[Ketawa]* Jadi, ini barangkali ini perlu pembaikan dan saya tidak tahu kalau di bilik air wanita, tetapi kalau bilik air lelaki saya rasa ini agak remehlah, tetapi hanya sekadar untuk memperingatkan bersama, petugas-petugas kita di Parlimen ini untuk kebersihan toilet barangkali kenalah dari masa ke semasa sentiasa membersihkan bilik air kita.

Begitu juga barangkali dengan kita punya kantin kini cukup memuaskan, tetapi kalau boleh ditambahkan lagi makanan sedikit lagi bagus. *[Ketawa]* Di toilet ini pamnya tidak berfungsi di bahagian lelaki, saya tidak tahu di bahagian wanita, saya dapat bisikan dari rakan di belakang, dia kata sama juga. Jadi, kalau boleh barangkali ini Parlimen, tempat yang paling kita hormati, kita mintalah supaya kalau boleh di Parlimen ini segala-galanya 'perfect' ataupun bagus dan begitu juga di bilik sembahyang, saya lihat pun sudah dibaiki, cuma barangkali kalau ada wangi-wangian yang sesuai dengan sunnah kita umat Islam terutama apabila bersembahyang tercium oleh kita bau-bauan itu sedikit sebanyak saya rasa mana yang sesuai terutama ada ustaz kita barangkali bolehlah menyarankan apa sesuai untuk surau kita di Parlimen ini.

Saya difahamkan bahawa kakitangan di Parlimen ini untuk membuat *Hansard* begitu kurang, jadi kasihan juga mereka ini kalau boleh kita mintalah supaya penambahan kakitangan untuk Parlimen dapat dipercepatkan, sebab bukan kita sahaja malah saya difahamkan di Dewan Rakyat juga, mereka juga telah meminta berkali-kali sehingga hari ini tidak pasti sama ada sudah ada tambahan, kalau tidak ada tambahan pun barangkali pinjamlah daripada mana-mana jabatan yang berkenaan.

Kepada Kementerian Pengangkutan, terima kasih kerana nampaknya kita punya diskaun tiket kapal terbang, yang sangat merasakan ini ialah daripada rakan-rakan Ahli Yang Berhormat dari Sarawak dan Sabah kerana kami kadang-kadang untuk satu kali penerbangan ke sini memakan jumlah wang yang agak besar iaitu lebih kurang RM1,000. Jadi, bila ada pengurangan diskaun 25% ini memang kami amat berterima kasih, tetapi walaupun ini zaman inflasi sudah hampir, barangkali kalau bolehlah kita merayu supaya 25% untuk suami isteri ini terima kasih, tetapi nampaknya anak tidak termasuk, cuma barangkali sudah difikirkan kalau anak itu masuk kalau ada yang 20 orang anak itu barangkali masalah kepadanya. *[Ketawa]* Tetapi kalau boleh kita merayu kepada kementerian berkenaan supaya dapat dipertimbangkan sebab 25% ini dalam negeri sahaja, tidak termasuk luar negeri. Jadi, saya ingat bolehlah kita merayu dan saya percaya rakan-rakan Ahli-ahli Yang Berhormat yang menggunakan kapal terbang ini memang berterima kasih juga untuk

tambang perjalanan kereta api dan komuter juga kalau tidak silap saya hanya untuk suami dan isteri, ini pun kalau boleh masukkanlah anak-anak sekali.

Maksud B.16 ini mengenai dengan Bomba. Kita barangkali tidak perlu bercakap panjang mengenai dengan Bomba sebab tahniah kepada kementerian di mana kakitangan Bomba kita telah dihantar ke negara jiran kita untuk mengurangkan jerebu tetapi saya difahamkan sebab ketua misi Bomba dari negeri Sabah itu datang daripada tempat saya Keningau, yang beliau ceritakan di sana agak lain sedikit, bila ahli Bomba kita datang ke sana, dia dikerumuni oleh masyarakat setempat, dia tanya: “Datang untuk apa?” Dia kata: “Datang untuk padamkan api.” “Kenapa mahu dipadamkan?” Sebab secara kebetulan tempat-tempat yang mereka datangi ini adalah mengamalkan pertanian pindah-randah atau shifting cultivation, dengan izin. Jadi, bila ini berlaku nampaknya bukan terima kasih yang mereka berikan, tetapi marah yang mereka terima, terutama ahli-ahli Bomba kita.

Jadi, saya sentuh ini bukan apa, tetapi barangkali untuk masa-masa akan datang, kita jangan terburu-buru untuk menghantar pasukan Bomba kita, sebab lihatlah ini takdir Tuhan, yang meninggal dan yang sakit ini memang semuanya adalah kudrat dari Allah S.W.T. tetapi lain kali kita perlu berhati-hati, jangan kalam-kabut. Sebab kalau dikira dibanding dari segi penduduk mereka punya penduduk hampir 200 juta orang, jadi tanpa kita pun sebenarnya mungkin



boleh dipadamkan atau barangkali kalau hujan datang sekali gus memang padam habislah.

Jadi, maksud saya di sini dari segi perbelanjaan ini pun sudah berapa kita belanjakan, mana lagi kadang-kadang menjadi isu kepada parti-parti yang tidak sehaluan dengan kita, di mana mereka mengatakan bahawa kita membazir dan sebagainya, walaupun pada dasarnya atas dasar jiran ini memang sesuai dan bagus sekali kalau difikir dari segi ini.

Dan lain daripada itu, kita juga mohon kadang-kadang pegawai-pegawai Bomba kita terutama yang tinggal jauh di pedalaman ini, kadang-kadang mereka merasa tersisih macam juga lebih kurang guru-guru kita ini, bila mereka bertugas di pedalaman bukan peluang tidak diberikan oleh kerajaan malah ada diberikan, tetapi bila namanya pedalaman, hantar surat macam kalau seperti di tempat saya di Keningau hantar surat dari Kuala Lumpur kadang-kadang mahu dekat sebulan baru sampai, itu sudah canggih kalau dikira betul. Tetapi saya tidak tahu di mana silapnya, tetapi barangkali walaupun ada kenaikan pangkat ataupun ada kursus atau apa sahaja, kita mintalah pihak berkenaan, janganlah kita gunakan surat, sebab kita sekarang sudah canggih gunakanlah fax. Fax ini senang kalau tidak dapat fax ada di tempat saya yang dipanggil macam skyhawk bukan juga skyhawk, ini bot ekspres, tetapi ekspresnya pun sampai mahu satu minggu juga, jadi bukan lagi ekspres. Jadi, kalau kursus itu diadakan lima hari umpamanya panggilan itu tinggal lima hari,

sudah ketinggalan dua hari, sudah terlepas. Jadi, kita minta jugalah supaya dicarikan usaha pegawai-pegawai Bomba kita yang memang sudah lama kalau boleh lihatlah nasib mereka ini, sebab saya yakin ramai pegawai-pegawai Bomba yang sedang menunggu-nunggu untuk dinaikkan pangkat sehingga hari ini mereka terus tersisih dan orang-orang yang tinggal terutama di kawasan bandar juga yang mendapat nikmat lebih awal daripada mereka.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, panjang lagikah?

**Datuk Haji Sairin bin Karno:** Ya, panjang lagi!

**Tuan Yang di-Pertua:** Panjang lagi?

**Datuk Haji Sairin bin Karno:** Ya, panjang lagi.

**Tuan Yang di-Pertua:** Kita tangguh dahulu.

**Datuk Haji Sairin bin Karno:** Okay, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya ingat pendek sahaja hendak bercakap.

*[Ketawa]* Ahli-ahli Yang Berhormat, kita tangguhkan Majlis ini hingga esok hari pukul 2.30 petang.

***Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.***

